

**PERLAKSANAAN AKTA 172 DAN 171 DALAM PEMBANGUNAN  
FIZIKAL OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**MOHAMAD RIZAL BIN MOHAMAD RADZI**

**SARJANA SAINS (PENGAJIAN STRATEGIK)  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 SINTOK,  
KEDAH DARUL AMAN**

**MEI 2014**

**PERLAKSANAAN AKTA 172 DAN 171 DALAM PEMBANGUNAN  
FIZIKAL OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

**MOHAMAD RIZAL BIN MOHAMAD RADZI**

Tesis ini dihantar ke Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Utara Malaysia (UUM)  
bagi memenuhi syarat memperolehi Sarjana Sains (Pengajian Strategik)

## **PERAKUAN HAKCIPTA**

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dan atau membuat salinan mana-mana bahagian, bab, ilustrasi atau isi kandungan ilmiah ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanika, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa.

## **PERAKUAN PELAJAR**

Dengan ini, saya Mohamad Rizal Bin Mohamad Radzi (813216), mengakui bahawa kajian ini adalah hasil nukilan saya sendiri kecuali petikan, huraian dan ringkasan yang terdapat di dalamnya yang telah dinyatakan sumbernya.

Tarikh : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Tandatangan Pelajar

## **KEBENARAN MERUJUK TESIS**

Kajian ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat pengijazahan Sarjana Sains (Pengajian Strategik), Universiti Utara Malaysia. Saya bersetuju memberi kebenaran kepada pihak perpustakaan university ini untuk mempamerkannya sebagai rujukan. Saya juga bersetuju bahawa sebarang salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada kajian ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia tesis atau Dekan Pusat Pengajian Siswazah, Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa (GOLGIS). Sebarang bentuk salinan dan cetakan bagi tujuan komersil dan membuat keuntungan adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Pernyataan rujukan kepada penulis dan Universiti Utara Malaysia perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk dibuat ke atas kajian ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan kajian ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:

DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH  
KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN ANTARABANGSA  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN

## **ABSTRACT**

Local governments also known as the Local Authority (LA) is the government in the third and final stage in the administrative machinery of the country. It is set to be an intermediary or coordinator between the Federal, State and Local Authorities (LA) in matters relating to the government. Local government also plays a role in the allocation of the State Government or the Federal Government for the 11 Local Authorities in the state of Kedah to undertake a public facility projects that have been identified based on the laws and policies of government agencies and subject to 3 of the master of the Local Government Act (Act 171), Town and Country Planning Act (Act 172) and the Street, Drainage and Building (Act 133). Particular incident, the project paper to see how the implementation of the act in the physical development of economic influence in Kedah Darul Aman Project Paper also aims to find out the problems faced by the Local Authority (LA) and its role in the performance of duties associated with the government and also to identify the recommendations to strengthen the strategy of Local Authorities (LA) in improving physical economy in Kedah Darul Aman in particular. Data collection was conducted using a set of questionnaire and a total of 15 respondents participated in this study and data analysed using descriptive method of analysis. Results showed that the act is important in matters relating to the Local Authority (LA) to perform a public facility projects that are based on the Law and Government Policies related to it in accordance with the Philosophy and Vision 2020. The proposed study identified to enhance and strengthen its strategy of Local Authority (LA) is to increase the total allocation from the Ministry of Housing and Local Government (ministry) and other Federal agencies. The addition of staff, especially technical personnel to improve the performance of tax collection, license, fines, compound, and the arrears within the stipulated time and to study the privatization programs involving the role and functions of the Local Authority (LA) itself.

**Keywords:** Local government administration, Act 171 and 172, physical development

## ABSTRAK

Kerajaan Tempatan juga dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah kerajaan di peringkat ketiga dan terakhir dalam jentera pentadbiran negara. Ia ditubuhkan untuk menjadi perantara atau penyelar di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerajaan. Kerajaan Tempatan juga berperanan dalam menyalurkan peruntukan dari pihak Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan kepada 11 buah Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Kedah Darul Aman bagi melaksanakan projek-projek kemudahan awam yang telah dikenalpasti yang berlandaskan undang-undang dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan serta tertakluk kepada 3 akta induk iaitu Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171), Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133). Justeru itu, Kertas Projek ini melihat sejauh mana pelaksanaan akta dalam mempengaruhi pembangunan fizikal ekonomi di Negeri Kedah Darul Aman. Kertas Projek ini juga dijalankan untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan peranannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengan kerajaan di samping mengenalpasti cadangan-cadangan untuk memperkukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meningkatkan pembangunan fizikal ekonomi di Negeri Kedah Darul Aman khususnya. Pengumpulan data telah dilaksanakan melalui soal selidik dan sejumlah 15 orang responden telah terlibat dalam kajian ini dan analisis data menggunakan analisis deskriptif. Hasil kajian menunjukkan bahawa peruntukan akta adalah penting dalam hal-hal yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melaksanakan projek-projek kemudahan awam yang berasaskan kepada Undang-Undang dan Dasar-Dasar Kerajaan yang berkaitan dengannya selaras dengan Falsafah dan Wawasan 2020. Cadangan kajian yang dikenalpasti bagi meningkatkan dan mengukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ialah meningkatkan jumlah peruntukan yang diperolehi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan lain-lain agensi Persekutuan. Penambahan kakitangan terutamanya kakitangan teknikal bagi meningkatkan prestasi kutipan cukai, lesen, denda, kompaun, dan tunggakan dalam tempoh masa yang ditetapkan serta mengkaji program-program penswastan yang melibatkan peranan dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) itu sendiri.

Kata Kunci : Pentadbiran kerajaan tempatan, Pelaksanaan Akta 171 dan 172, Pembangunan fizikal

## **PENGHARGAAN**

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad S.A.W., di atas limpah kurniaNya saya akhirnya dapat menyempurnakan Kertas Projek yang bertajuk Perlaksanaan Akta Dalam Pembangunan Fizikal Ekonomi Di Dalam Pihak Berkuasa Tempatan Di Negeri Kedah Darul Aman yang mengambil masa selama lebih kurang 4 bulan untuk menyiapkannya. Di sepanjang menyiapkan Kertas Projek ini, banyak pihak yang membantu dan memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini. Pertamanya saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Dani bin Salleh selaku Penyelia Utama di Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa di atas segala khidmat nasihat, tunjuk ajar dan kerjasama beliau di sepanjang penyediaan Kertas Projek ini sehingga ia dapat disempurnakan dengan jayanya.

Dikesempatan ini juga saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. Dato' Paduka Haji Mohd Puat bin Haji Mohd Ali (Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman), Y.Bhg. Dato' Haji Bakar bin Din (Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Kedah Darul Aman), Y.Bhg. Dato' Haji Mat Noh bin Ahmad (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Alor Setar), Tuan Haji Syed Shahrudin bin Syed Abdullah (Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan – Bahagian Kerajaan Tempatan) dan semua kakitangan berkenaan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam memberikan kerjasama dalam menyiapkan Kertas Projek ini.

Istimewa juga saya ucapkan kepada kedua ibu bapa saya, isteri dan anak-anak saya yang telah banyak berkorban dan sentiasa mendoakan kejayaan saya. Begitu juga dengan rakan-rakan seperjuangan (Pegawai-Pegawai Tadbir Negeri Kedah Darul Aman – KCS) di atas bantuan yang dihulurkan selama ini dan seterusnya saya dengan rendah diri memohon ampun dan maaf atas segala kekurangan yang terdapat dalam Kertas Projek ini.

Sekian, terima kasih

**MOHAMAD RIZAL BIN MOHAMAD RADZI**  
**KOLEJ UNDANG-UNDANG, KERAJAAN DAN PENGAJIAN**  
**ANTARABANGSA,**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**  
**06010, SINTOK, KEDAH DARUL AMAN**

## SENARAI KANDUNGAN

| <b>BAB</b>   | <b>PERKARA</b>                 | <b>MUKA MURAT</b> |
|--------------|--------------------------------|-------------------|
|              | <b>PERAKUAN HAKCIPTA</b>       | iii               |
|              | <b>PERAKUAN PELAJAR</b>        | iv                |
|              | <b>KEBENARAN MERUJUK TESIS</b> | v                 |
|              | <b><i>ABSTRACT</i></b>         | vi                |
|              | <b>ABSTRAK</b>                 | vii               |
|              | <b>PENGHARGAAN</b>             | viii              |
|              | <b>SENARAI KANDUNGAN</b>       | ix                |
|              | <b>SENARAI JADUAL</b>          | xiii              |
|              | <b>SENARAI RAJAH</b>           | xiv               |
|              | <b>SENARAI SINGKATAN</b>       | xv                |
|              | <b>SENARAI LAMPIRAN</b>        | xvi               |
| <b>BAB 1</b> | <b>Pengenalan</b>              |                   |
| 1.1          | Pendahuluan                    | 1                 |
| 1.2          | Penyataan Masalah              | 3                 |
| 1.3          | Objektif Kajian                | 6                 |
| 1.4          | Kepentingan Kajian             | 7                 |
| 1.5          | Skop Kajian                    | 8                 |
| 1.6          | Rekabentuk Kajian              | 8                 |
| 1.6.1        | Reka Bentuk Kajian             | 9                 |
| 1.6.2        | Kaedah Pengumpulan Data        | 9                 |

|              |                                                   |    |
|--------------|---------------------------------------------------|----|
| 1.6.2.1      | Borang Soal Selidik                               | 10 |
| 1.6.2.2      | Data Sekunder                                     | 10 |
| 1.6.2.3      | Ulasan Karya                                      | 11 |
| 1.6.3        | Analisis Data                                     | 11 |
| 1.7          | Teori dan Konsep                                  | 11 |
| 1.8          | Kesimpulan                                        | 17 |
| <b>BAB 2</b> | <b>ULASAN KARYA</b>                               |    |
| 2.1          | Pengenalan                                        | 18 |
| 2.2          | Kajian-Kajian Terhadap Skop Kajian Yang Berkaitan | 19 |
| <b>BAB 3</b> | <b>LATAR BERLAKANG ORGANISASI</b>                 |    |
| 3.1          | Pengenalan                                        | 30 |
| 3.2          | Sejarah Penubuhan                                 | 31 |
| 3.3          | Struktur Organisasi                               | 33 |
| 3.3.1        | Bahagian Pentadbiran                              | 34 |
| 3.3.1.1      | Unit Pentadbiran Am dan Pentadbiran               | 34 |
| 3.3.1.2      | Unit Dasar, Perundangan dan Kewangan              | 34 |
| 3.3.1.3      | Unit Pemantauan                                   | 35 |
| 3.3.1.4      | Unit Perhubungan                                  | 35 |
| 3.3.1.5      | Unit Data dan Maklumat                            | 36 |

|         |                                                       |    |
|---------|-------------------------------------------------------|----|
| 3.3.2   | Bahagian Kewangan                                     | 37 |
| 3.3.2.1 | Unit Pembayaran dan Perlesenan                        | 37 |
| 3.3.2.2 | Unit Kewangan                                         | 38 |
| 3.3.3   | Bahagian Pembangunan Projek                           | 38 |
| 3.4     | Objektif Kerajaan Tempatan                            | 39 |
| 3.4.1   | Peranan dan Fungsi Kerajaan Tempatan                  | 40 |
| 3.4.2   | Objektif Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan           | 40 |
| 3.4.3   | Peranan dan Fungsi Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan | 42 |
| 3.4.4   | Matlamat Organisasi                                   | 44 |
| 3.4.4.1 | Dasar Kualiti                                         | 45 |
| 3.4.4.2 | Nilai Teras                                           | 45 |
| 3.4.4.3 | Strategi Piagam                                       | 46 |
| 3.5     | Perkembangan Organisasi                               | 47 |
| 3.6     | Rumusan Bab                                           | 48 |

## **BAB 4 ANALISIS DATA**

|       |                               |    |
|-------|-------------------------------|----|
| 4.1   | Pendahuluan                   | 50 |
| 4.2   | Analisis Deskriptif           | 50 |
| 4.2.1 | Demografi Responden           | 50 |
| 4.2.2 | Peranan PBT Dalam Pembangunan | 56 |

## **BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

|         |                                                            |    |
|---------|------------------------------------------------------------|----|
| 5.1     | Pengenalan                                                 | 65 |
| 5.2     | Rumusan Penemuan Kajian                                    | 65 |
| 5.2.1   | Akta-Akta Berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan Pada Masa Kini | 67 |
| 5.2.1.1 | Akta Kerajaan Tempatan 1976                                | 68 |
| 5.2.1.2 | Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976                      | 69 |
| 5.2.1.3 | Akta Jalan, Parid dan Bangunan 1974                        | 70 |
| 5.3     | Implikasi Kajian                                           | 71 |
| 5.4     | Cadangan Penambahbaikkan                                   | 72 |
| 5.5     | Kesimpulan Kajian                                          | 73 |

|                        |           |
|------------------------|-----------|
| <b>SENARAI RUJUKAN</b> | <b>75</b> |
|------------------------|-----------|

## **SENARAI JADUAL**

| <b>JADUAL</b> | <b>PERKARA</b>                                   | <b>MUKA SURAT</b> |
|---------------|--------------------------------------------------|-------------------|
| Jadual 4.1    | Profil Bangsa Responden                          | 51                |
| Jadual 4.2    | Profil Jantina Responden                         | 52                |
| Jadual 4.3    | Profil Status Perkahwinan Responden              | 52                |
| Jadual 4.4    | Profil Taraf Pendidikan                          | 53                |
| Jadual 4.5    | Profil Kategori Jawatan Responden                | 54                |
| Jadual 4.6    | Profil Tempoh Perkhidmatan Responden             | 55                |
| Jadual 4.7    | Meningkatkan Kualiti Hidup Komuniti              | 56                |
| Jadual 4.8    | Mengadakan Prasarana Yang Mencukupi              | 57                |
| Jadual 4.9    | Memberi Khidmat Bantuan Dari Segi Teknikal       | 57                |
| Jadual 4.10   | Peranan PBT Melaksanakan Tugas Berkesan          | 58                |
| Jadual 4.11   | Mengenalpasti Lokasi Yang Sesuai                 | 58                |
| Jadual 4.12   | Perlaksanaan Projek Pembangunan                  | 59                |
| Jadual 4.13   | Peranan PBT Meningkatkan Infrastruktur           | 59                |
| Jadual 4.14   | Masalah Kewangan Sering Menjadi Beban Kepada PBT | 60                |
| Jadual 4.15   | Keperluan Penyediaan Kemudahan                   | 60                |
| Jadual 4.16   | PBT Perlu Menilai Kawasan-Kawasan Pembangunan    | 61                |
| Jadual 4.17   | Statistik Deskriptif Min Demografi Responden     | 61                |
| Jadual 4.18   | Statistik Deskriptif Min Bagi Peranan PBT        | 63                |

## **SENARAI RAJAH**

| <b>RAJAH</b> | <b>PERKARA</b>                | <b>MUKA SURAT</b> |
|--------------|-------------------------------|-------------------|
| Rajah 4.1    | Umur Responden                | 51                |
| Rajah 4.2    | Status Perkahwinan Responden  | 53                |
| Rajah 4.3    | Kategori Jawatan Responden    | 54                |
| Rajah 4.4    | Tempoh Perkhidmatan Responden | 55                |

## SENARAI SINGKATAN

|      |                                               |
|------|-----------------------------------------------|
| BKT  | Bahagian Kerajaan Tempatan                    |
| CF   | Sijil Layak Menduduki                         |
| JKKK | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| JKT  | Jawatankuasa Tetap                            |
| KDNK | Kadar Dalam Negara Kasar                      |
| KPKT | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan   |
| KPSU | Ketua Penolong Setiausaha                     |
| KT   | Kerajaan Tempatan                             |
| MB   | Majlis Bandaraya                              |
| MD   | Majlis Daerah                                 |
| MMK  | Majlis Mesyuarat Kerajaan                     |
| MNKT | Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan          |
| MP   | Majlis Perbandaran                            |
| MPK  | Manual Prosedur Kerja                         |
| OSC  | One Stop Center                               |
| PBB  | Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu              |
| PBN  | Pihak Berkuasa Negeri                         |
| PBT  | Pihak Berkuasa Tempatan                       |
| PPRT | Program Perumahan Rakyat Termiskin            |
| PSU  | Penolong Setiausaha                           |
| SUK  | Setiausaha Kerajaan                           |
| YDP  | Yang DiPertua                                 |

## **SENARAI LAMPIRAN**

|             |                                                               |
|-------------|---------------------------------------------------------------|
| Lampiran 1  | Borang Soal Selidik                                           |
| Lampiran 2  | Carta Organisasi Bahagian Kerajaan Tempatan                   |
| Lampiran 3  | Carta Organisasi Fungsi Bahagian Pengurusan Pentadbiran (BKT) |
| Lampiran 4  | Carta Organisasi Fungsi Bahagian Pengurusan Kewangan (BKT)    |
| Lampiran 5  | Carta Organisasi Majlis Bandaraya Alor Setar                  |
| Lampiran 6  | Carta Organisasi Majlis Perbandaran Sungai Petani             |
| Lampiran 7  | Carta Organisasi Majlis Perbandaran Langkawi                  |
| Lampiran 8  | Carta Organisasi Majlis Perbandaran Kulim                     |
| Lampiran 9  | Carta Organisasi Majlis Daerah Kubang Pasu                    |
| Lampiran 10 | Carta Organisasi Majlis Daerah Baling                         |
| Lampiran 11 | Carta Organisasi Majlis Daerah Yan                            |
| Lampiran 12 | Carta Organisasi Majlis Daerah Sik                            |
| Lampiran 13 | Carta Organisasi Majlis Daerah Pendang                        |
| Lampiran 14 | Carta Organisasi Majlis Daerah Padang Terap                   |
| Lampiran 15 | Carta Organisasi Majlis Daerah Bandar Baharu                  |
| Lampiran 16 | Piagam Pelanggan Bahagian Kerajaan Tempatan                   |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Pendahuluan**

Kerajaan Tempatan (KT) yang juga dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah merupakan peringkat ketiga dan terakhir dalam jentera pentadbiran Negara. Jabatan ini ditubuhkan adalah untuk menjadi perantara atau penyelarasan di Antara Kerajaan Persekutan, Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam hal-hal yang berkaitan dengan Kerajaan di peringkat ketiga iaitu Kerajaan Tempatan (KT).

Kerajaan Tempatan di Malaysia terdiri daripada Majlis Perbandaran, Majlis Daerah, Majlis Bandaraya dan Dewan Bandaraya yang menjalankan tanggungjawab sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagaimana kuasa yang diberikan oleh pihak kerajaan melalui kerajaan negeri bagi menguatkuasakan peraturan-peraturan tertentu di bawah perundangan-perundangan kerajaan yang telah diluluskan oleh kerajaan terutamanya dalam merancang dan menentukan arah pembangunan projek di bawah kawasan dan daerah masing-masing.

Bagi tujuan pembangunan, bidang dan fungsi Kerajaan Tempatan adalah tertakluk kepada tiga akta induk iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) di samping mengadakan undang-undang kecilnya sendiri

yang berkaitan dengan perlesenan, kawalan tempat makan dan pengendali makanan seperti Undang-Undang Kecil (Pemugutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap), Pihak-Pihak berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman 1983, Undang-Undang Kecil Penjaja (PBT) Negeri Kedah Darul Aman 1983, Undang-Undang Kecil Ikan (Penguasa-Penguasa Tempatan) Negeri Kedah Darul Aman 1982 dan sebagainya.

Pentadbiran kerajaan yang cekap adalah dipengaruhi oleh organisasi kerajaan yang berperanan dalam menjalankan dasar kerajaan dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat dengan berkesan. Namun, dalam usaha meningkatkan pembangunan bukanlah sesuatu yang mudah kerana ia memerlukan kepada perancangan yang mantap dan berkesan. Namun, pembangunan yang hendak dijalankan tidak akan terhasil tanpa usaha dari semua pihak sama ada dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Ini kerana ada di Antara pembangunan yang tidak dapat dilaksanakan oleh pihak kerajaan maka pihak swasta akan turut sama memainkan peranan penting dalam melaksanakan projek-projek pembangunan.

Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) juga memainkan peranan penting kerana peruntukan akta ini membolehkan sebuah badan iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang bertanggungjawab dalam mentadbir sesebuah kawasan dan bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk tempatan. Di samping itu, PBT juga bertanggungjawab dalam merancang dan merencanakan pembangunan bagi kawasan di bawah pentadbirannya.

Selain itu, PBT juga bertanggungjawab dalam memproses dan menilai segala bentuk cadangan projek pembinaan serta mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan untuk kerja-kerja pemajuan. Ini secara tidak langsung, pembangunan sesuatu projek adalah seimbang selaras dengan hasrat kerajaan bagi memastikan pembangunan fizikal negara khasnya di negeri Kedah adalah teratur, seragam dan mapan.

## **1.2     Pernyataan Masalah**

Cabaran yang dihadapi oleh Kerajaan Tempatan adalah pelbagai di mana agenda yang terpenting adalah untuk membawa kepada negara mencapai status negara maju menjelang Wawasan 2020. Wawasan ini dikongsi bersama dan terbukti sebagai penggerak utama kepada perkembangan di dalam Kerajaan Tempatan sejak awal 1980-an lagi. Teras kepada usaha-usaha ini ialah untuk membentuk sebuah perkhidmatan awam di dalam jabatan Kerajaan Tempatan yang berorientasikan pelanggan, bersifat global dan berlandaskan nilai-nilai etika yang kukuh.

Kebanyakan organisasi kini berhadapan dengan banyak cabaran serta masalah yang berpunca daripada peningkatan kepentingan kualiti, perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan, perkembangan teknikal, persaingan serta keperluan kepada penggunaan teknologi maklumat yang semakin meluas. Menurut Allenbaugh (1981), organisasi di Jabatan Kerajaan Tempatan juga perlu meningkatkan tahap pembangunan negara untuk menghadapi cabaran dan masalah yang dihadapinya.

Keberkesanan pengurusan dan pentadbiran di Jabatan Kerajaan Tempatan adalah penting untuk membolehkan sesebuah organisasi mengenalpasti dan menyelesaikan masalah, menyesuaikan diri dengan perubahan dalaman dan luaran, menggunakan sumber-sumber dengan efektif dan seterusnya mencipta masa depan yang cemerlang. Oleh kerana itu, misi organisasi di Jabatan Kerajaan Tempatan adalah untuk menjadi sebuah agensi kerajaan yang efektif sebagai perantara di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berasaskan kepada undang-undang dan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengannya selaras dengan Falsafah dan Wawasan 2020.

Sebagai sebuah kerajaan diperingkat ketiga dalam system pemerintahan negara, Kerajaan Tempatan (KT) sememangnya mempunyai beberapa peluang dalam memperkembangkan lagi tahap pentadbirannya pada peringkat negeri. Kerajaan Tempatan mempunyai akta sendiri iaitu Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Keadaan ini akan memberi peluang kepada Kerajaan Tempatan (KT) untuk membuat sebarang tindakan kepada pihak tertentu berdasarkan kepada akta yang telah ditetapkan di bawah Perlembagaan Malaysia.

Masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah berkaitan dengan segala hal pengurusan, kewangan, pembayaran, kelulusan, peruntukan, perlesenan dan sebagainya. Ia ekoran daripada salah faham dalam proses komunikasi dan kecuaiian dalam menguruskan sesuatu perkara yang mustahak. Umpanya masalah dalam peruntukan pembayaran projek.

Ini akibat daripada sikap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang lewat membuat sesuatu tindakan selepas arahan diberikan. Ini menyebabkan urusan pemprosesan maklumat agak lewat. Keadaan ini menyebabkan Bahagian Kerajaan Tempatan (KT) menjadi mangsa kerana terpaksa menunggu dan mengambil masa yang agak lama untuk menerima maklumbalas daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Begitu juga dengan masalah perlesenan di mana dengan berpandukan Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) boleh mengeluarkan lesen bagi semua aktiviti perniagaan. Ini kerana dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dalam Perkara 107, Kerajaan Tempatan (KT) boleh bertindak menarik semua lesen yang telah dikeluarkan sekiranya ada peniaga gagal mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan dalam Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171).

Namun dari segi dasar dan polisi Kerajaan Tempatan (KT) adalah dibentuk atau digubal diperingkat Persekutuan dan juga Negeri. Dalam hal ini, Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) berperanan sebagai penggerak, pengawas serta penyelaras ke arah pembangunan dan kemajuan Kerajaan Tempatan (KT). MNKT adalah merupakan sebuah badan perlembagaan yang mana ianya adalah bertanggungjawab dalam menggubal dasar-dasar dan mentadbir undang-undang Kerajaan Tempatan (KT).

Menurut kajian yang dibuat oleh Phang (1997), PBT di negara ini masih mengalami kekurangan sumber kewangan akibat daripada perkembangan bandar yang pesat serta peningkatan taraf hidup dan taraf pendidikan.

Masyarakat yang lebih prihatin memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan. Dalam hal ini, kebanyakan PBT tidak mampu untuk menampung keperluan perkhidmatan hasil daripada kepesatan pembangunan. Ini ditambah pula dengan kadar pendapatan yang diperolehi tidak dapat mengimbangi kos pengurusan yang memerlukan kepada penyediaan perkhidmatan yang bertambah. Selain itu, sumber pendapatan yang utama bagi PBT Semenanjung Malaysia adalah seperti yang terdapat dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan juga dalam seksyen 156 Perlembagaan Persekutuan dan telah termaktub bahawa sumber pendapatan yang utama ialah daripada hasil cukai, hasil bukan cukai dan juga geran.

Justeru itu, persoalan yang timbul di sini ialah untuk mengetahui sejauh mana kajian terhadap pelaksanaan akta dalam mempengaruhi pembangunan fizikal ekonomi di Bahagian Kerajaan Tempatan adalah untuk mengetahui masalah-masalah yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan peranannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengannya di samping mengenalpasti cadangan-cadangan dalam mengukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan dalam hal-hal yang berkaitan terutama dalam pembangunan fizikal ekonomi di Kedah.

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini ialah mengenalpasti peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan dengannya iaitu dalam menyalurkan peruntukan dari pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan

kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melaksanakan projek-projek kemudahan awam yang telah dikenalpasti seperti mengetar, membaiki jalan raya, pembinaan balai raya, pasar malam, kawasan rekreasi dan sebagainya di samping mengetahui kepentingan akta dalam mempengaruhi pembangunan fizikal ekonomi di Kedah. Untuk itu kajian ini mengariskan beberapa objektif berikut iaitu :-

- i. Mengenalpasti peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam melaksanakan projek-projek kemudahan awam yang telah dikelpasti berasaskan Undang-undang dan Dasar-dasar Kerajaan yang berkaitan dengannya selaras dengan Falsafah dan Wawasan 2020.
- ii. Mengenalpasti tahap pemakaian peruntutan-peruntukan dalam akta-akta berkaitan yang mempengaruhi aktiviti pembangunan fizikal di Kedah.

#### **1.4 Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan hasil kajian yang telah dikenalpasti adalah seperti berikut :-

- i. Dapat mengenalpasti segala permasalahan yang dihadapi oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan peranannya dalam melaksanakan tugas-tugas berkaitan samaada berlandaskan akta atau sebaliknya.

- ii. Dapat mengenalpasti cadangan-cadangan untuk mengukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam meningkatkan pembangunan fizikal ekonomi di negeri Kedah.

## **1.5 Skop Kajian**

Kajian ini dijalankan di Bahagian Kerajaan Tempatan di Wisma Darul Aman. Ia dipilih sebagai lokasi kajian kerana kedudukan yang dianggap penting sebagai pusat pentadbiran kerajaan negeri. Jabatan ini telah mempunyai fungsi dan peranan yang amat penting terutama di dalam kemajuan pembangunan dan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sejumlah 20 orang responden terlibat dalam kajian ini yang terdiri daripada kakitangan di Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Darul Aman. Pemilihan responden adalah berdasarkan kepada andaian bahawa mereka adalah orang yang paling layak untuk membuat penilaian dan dapat mewakili ahli-ahli yang lain di jabatan yang berkenaan.

## **1.6 Rekabentuk Kajian**

Kajian ini merujuk kepada perbincangan tentang kaedah-kaedah penyelidikan yang digunakan dalam menjalankan kajian ini. Bab ini juga akan menjelaskan kaedah yang digunakan dalam pengumpulan data. Kajian ini berbentuk penyelidikan deskriptif berdasarkan responden terdiri daripada kakitangan di Jabatan Bahagian

Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman berkenaan.

#### **1.6.1 Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini berbentuk tinjauan keratan rentas (cross-sectional survey design). Kajian ini dijalankan ke atas Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Wisma Darul Aman. Responden yang dipilih adalah terdiri daripada kakitangan di Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman berkenaan. Kajian yang dijalankan adalah secara kajian berbentuk deskriptif dan tidak melibatkan ujian hipotesis.

#### **1.6.2 Kaedah Pengumpulan Data**

Di antara kaedah pengumpulan data yang dijalankan ialah daripada dokumen atau penerbitan buku-buku ilmiah. Kaedah temubual dengan responden juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan di dalam kaedah pengumpulan data. Selain daripada itu, pengedaran borang soal selidik sebanyak 20 set soalan diedarkan kepada responden yang telah dipilih secara rawak.

#### **1.6.2.1 Borang Soal Selidik**

Borang soal selidik direkabentuk bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan persepsi responden. Soal selidik pula merupakan satu set soalan-soalan yang telah disediakan lebih awal di mana responden diberikan pilihan. Ia merupakan mekanisme yang berkesan apabila pengkaji mengetahui dengan tepat apa yang diperlukan dan bagaimana untuk mengumpul pembolehubah yang menjadi minat pengkaji. Soal selidik terdiri daripada dua (2) bahagian. Maklumat soal selidik yang dikehendaki diisi dalam latar belakang responden di Bahagian 1 ialah jantina, umur, bangsa, status perkahwinan, taraf pendidikan, kategori jawatan dan tempoh perkhidmatan. Bahagian ini hanya mendapat maklumat bagi menunjukkan latar belakang demografi responden secara ringkas. Bahagian II adalah berkenaan dengan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam mempengaruhi pembangunan. Skala jawapan yang digunakan adalah berbentuk Liket (sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju, bersetuju, sangat bersetuju).

#### **1.6.2.2 Data Sekunder**

Sumber data sekunder diperolehi daripada rujukan buku-buku ilmiah, jurnal-jurnal, tesis majalah, laporan tahunan dan lain-lain. Manakala pusat sumber rujukan telah dibuat sendiri di perpustakaan Pejabat Pentadbiran Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Perpustakaan Awam Negeri Kedah Darul Aman di Alor Setar dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah Darul Aman.

### **1.6.2.3 Ulasan Karya**

Ulasan karya merupakan salah satu data kualitatif yang digunakan di dalam kajian yang dijalankan ini. Penyelidik telah mendapatkan beberapa ulasan karya yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan ulasan karya ini adalah untuk menyokong dan memperkukuhkan lagi kajian yang saya jalankan ini.

### **1.6.3 Analisis Data**

Di dalam kajian ini, penyelidik menggunakan beberapa kaedah bagi menganalisis data daripada borang soal selidik yang telah diperolehi daripada responden. Analisis data bagi kajian tersebut diperolehi, diproses dan di analisis data menggunakan analisis deskriptif. Data yang dibuat menguji dengan menggunakan kaedah analisis deskriptif, frekuensi dan inferensi. Data yang diperolehi harus dianalisis bagi mengenalpasti masalah atau kelemahan yang dikaji dan aspek-aspek yang boleh menyumbangkan kepada pelaksanaan akta dalam mempengaruhi pembangunan fizikal ekonomi di Negeri Kedah Darul Aman.

## **1.7 Teori dan Konsep**

Terdapat beberapa definasi mengenai teori dan konsep kerajaan tempatan. Kedudukan Kerajaan Tempatan sebagai satu peringkat kerajaan yang telah

diperuntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia melalui Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Ini dapat dijelaskan bahawa Kerajaan Tempatan adlah kerajaan di peringkat ketika selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Malah Kerajaan Tempatan mempunyai peranan yang penting dan memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan pembangunan ekonomi negara (Phang, 1989).

Namun dalam pengertian organisasi pula Kerajaan Tempatan boleh dianggap sebagai satu unsur daripada konsep desentralisasi atau pengagihan kuasa kepada peringkat bawahan dan merupakan satu entiti yang sah di bawah kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Tempatan juga merupakan satu peringkat kerajaan yang berasingan yang mana mengutip cukai dan sewa, menubuhkan kumpulan wang PBT yang berada di bawah kawalannya sendiri dan boleh membuat undang-undang kecilnya sendiri yang berkaitan dengan perlesenan, kawalan tempat makan dan pengendali makanan. Antara undang-undang kecil (by laws) yang diterimapakai oleh Kerajaan Tempatan ialah :-

- i. Undang-Undang Kecil (Pemungutan, Pembuangan Dan Pelupusan Sampah Sarap) Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri Kedah Darul Aman 1983.
- ii. Undang-Undang Kecil Iklan (Penguasa-penguasa Tempatan) Negeri Kedah Darul Aman 1982.

iii. Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran Pihak-pihak Berkuasa Tempatan, Negeri Kedah Darul Aman 1983.

iv. Undang-Undang Kecil Penjaja (PBT) Negeri Kedah Darul Aman 1983.

v. Undang-Undang Tred, Perniagaan Dan Perindustrian (PBT) dan lain-lain.

Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang dipetik dalam Laporan Suruhanjaya Penyiasatan Diraja dikenali sebagai Laporan Athi Nahappan (1970 : 29) telah memberi takrifan mengenai Kerajaan Tempatan dengan menyatakan bahawa Kerajaan Tempatan ini adalah sebagai :-

“....A political subdivision of a nation or a state (in a federal system) which is constituted by law and has substantial control of local affairs, including the power of impose taxes or exact labour for prescribed purpose. The governing body such an entity is elected or otherwise locally selected....”

Menurut Malcolm W. Norris (1980) telah mendefinisikan Kerajaan Tempatan di Semenanjung Malaysia sebagai :-

“...Kerajaan Tempatan dalam konteks Semenanjung Malaysia yang bermaksud kerajaan di kawasan-kawasan bandar, luar bandar atau kedua-duanya ini dan di bawah kuasa kerajaan negeri masing-masing. Malah Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dan berdaulat daripada kerajaan tertinggi itu. Kerajaan Tempatan merupakan satu peringkat ketiga dalam struktur Persekutuan di Malaysia....”

Menurut Ahmad Atory Hussain (1991) Kerajaan Tempatan telah didefinisikan adalah seperti berikut :-

“...Kerajaan Tempatan merupakan satu unit atau institusi pemerintahan yang berkuasa bermula diperingkat bawahan dalam sesuatu tempat atau daerah kecil dengan kuasa tertentu dan melaksanakan tugas-tugas yang diamanahkan seperti kebajikan masyarakat di kawasan tersebut. Di Malaysia unit-unit Kerajaan Tempatan yang terlibat dengan kerja-kerja ini ialah Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah...”

Dalam konteks kerajaan di Malaysia, kita boleh menggunakan definisi yang dinyatakan oleh Phang (1997) yang merujuk kepada Jabatan Kerajaan Tempatan di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (1980) yang mana dinyatakan seperti berikut :-

“...Kerajaan Tempatan tidak mempunyai ‘infra-sovereign’ iaitu satu pembahagian geografi dalam sebuah negara yang berdaulat atau separa daulat yang melaksanakan kuasa pemerintah di dalam sebuah kawasan. Kebanyakan Kerajaan Tempatan mempunyai kedudukan yang sah dari segi undang-undang dan bermakna kerajaan boleh didakwa atau mendakwa dan boleh melibatkan diri dalam sebarang perjanjian kontrak” (KPKT 1980, Phang 1989)...”

Begitu juga definisi yang dinyatakan oleh Sady (1962) telah menyatakan bahawa Kerajaan Tempatan merupakan satu unit kecil politik bagi sesebuah negara atau negeri yang terikat dengan undang-undang. Malah ia juga mempunyai kuasa terhadap hal-ehwal tempatan dan mempunyai kuasa mengadakan cukai untuk tujuan tertentu.

Menurut kajian yang dibuat oleh Abdullah Ayub (1978) mendefinisikan Kerajaan Tempatan sebagai badan pemerintah yang dilaksanakan oleh sesuatu lembaga atau majlis hanya kawasan yang terlibat sahaja yang berkaitan hal-ehwal serta keharmonian masyarakat bagi kawasan tersebut. Selain itu, Clarke (1969)

menyatakan bahawa Kerajaan Tempatan merupakan sebahagian kerajaan bagi sesebuah negara atau negeri yang bertanggungjawab ke atas hal-ehwal rakyat (Dani Salleh, 2004).

Oleh kerana itu, Kerajaan Tempatan di anggap sebagai alat demokrasi di peringkat 'Akar Umbi' yang berkesan. Ini dapat dilihat, Laporan Suruhanjaya Penyiasat Diraja (Laporan Athi Nahappan, 1970) telah menggariskan beberapa konsep Kerajaan Tempatan. Antaranya adalah seperti berikut :-

- i. Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal tempatan yang telah diwakilkan kuasa kepadanya oleh sesebuah kerajaan yang tertinggi sama ada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.
- ii. Kerajaan Tempatan adalah bertaraf lebih rendah daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan tertakluk dibawah kawalan kerajaan yang tertinggi daripadanya.
- iii. Kerajaan Tempatan mempunyai ahli-ahli Majlis sama ada secara terpilih atau dilantik.
- iv. Kerajaan Tempatan merupakan badan yang berasingan dari Kerajaan yang tertinggi dan tidakwa serta boleh membuat kontrak dan memiliki harta.

- v. Mempunyai kuasa dalam kawasan tertentu dan berkemampuan memberi kemudahan dan perkhidmatan di dalam kawasan tersebut.

Begitu juga dengan konsep pentadbiran dalam kontek Kerajaan Tempatan (KT), kita perlu memahami tentang pentadbiran awam yang mana ianya adalah berkaitan dengan pentadbiran di peringkat negeri. Menurut Kamus Dewan (Edisi Ketiga, 1997) pentadbiran boleh didefinisikan sebagai perbuatan, mentadbirkan, pengelolaan, pengurusan, pemerintahan dengan adanya seorang pentadbir.

Daripada definisi pentadbiran dan pengurusan ini dapatlah dinyatakan bahawa pentadbiran adalah merupakan sebahagian daripada pengurusan dan situasi ini berlaku apabila seseorang itu membuat kerja atau tugas pentadbiran bererti ia juga membuat kerja atau tugas pengurusan dan sebaliknya iaitu pengurusan adalah sebahagian daripada pentadbiran.

Dalam konteks negara kita Malaysia, pembangunan fizikal dapat ditakrifkan sebagai projek pembinaan, penyediaan, baikpulih, naiktaraf dan ubahsuai semua bangunan atau tempat seperti dewan orang ramai, masjid, pejabat daerah, ibu pejabat polis, mahkamah, pejabat agama Islam, pejabat penghulu, pusat kesihatan (klinik), perumahan (PPRT), pembangunan pekan baru, perpustakaan (awam/desa) dan sebagainya.

## **1.8 Rumasan Bab**

Dalam bab ini telah membincangkan banyak perkara iaitu permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, metodologi kajian, definisi teori dan konsep tentang pelaksanaan akta dalam mempengaruhi pembangunan fizikal ekonomi di Kedah Darul Aman sama ada pembangunan yang hendak dijalankan berlandaskan akta atau sebaliknya. Dengan perkara-perkara di atas kita dapat mengenalpasti kepentingan dan keperluan dalam mengkaji persoalan-persoalan yang dikemukakan.

## **BAB 2**

### **ULASAN KARYA**

#### **2.1 Pengenalan**

Pembangunan merupakan agenda berterusan yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memastikan aspirasi negara direalisasikan dan begitu juga dengan aspirasi rakyat untuk menikmati hasil pembangunan itu sendiri. Namun, pembangunan tidak akan terhasil tanpa usaha dari semua pihak sama ada dari pihak kerajaan mahupun pihak swasta. Ini kerana ada di antara pembangunan yang tidak mampu dilaksanakan oleh pihak kerajaan sebaliknya pihak swasta yang memainkan peranan penting. Begitu juga sebaliknya wujud beberapa keadaan yang sememangnya mengharap kepada peranan pihak kerajaan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan itu (Dani Salleh, 2003).

Di samping itu, pembangunan sesebuah negara membawa maksud yang amat luas dan ia boleh dilihat dari aspek ekonomi, politik dan social. Namun, bagi negara-negara yang sedang membangun, sudah semestinya memberikan keutamaan kepada pembangunan ekonomi (Ahmad Mahdzan, 1989). Begitu juga pembangunan projek-projek pembinaan ini memerlukan kehadiran tanah, buruh dan modal. Tanah merupakan factor penyumbang ekonomi utama di dalam pembangunan fizikal.

Ini kerana tanpa tanah, tidak akan wujud sebarang pembangunan baik dari segi pembangunan ekonomi, politik dan social. Malah ciri tanah sebagai sumber yang terhad bagi memenuhi kehendak tertentu (Nuraini Yusof, 1996).

## **2.2 Kajian-Kajian Terhadap Skop Kajian Yang Berkaitan**

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia terdiri daripada Majlis Perbandaran, Majlis Daerah (MD) dan Dewan/Majlis Bandaraya (MB). Ketiga-tiga badan ini mempunyai kuasa dan berperanan dalam merancang serta menentukan ke arah pembangunan di bawah kawasan, daerah ataupun jajahan masing-masing.

Dengan ini penyelidik akan melihat peranan dan tanggungjawab serta kepentingan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap projek pembangunan negara dengan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan di dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133). Dengan adanya pelaksanaan akta sedemikian secara tidak langsung dapat meningkatkan lagi pembangunan fizikal ekonomi negara khasnya di Negeri Kedah Darul Aman.

Akta Kerajaan Tempatan juga dikenali sebagai Akta 171 yang digubal bagi memudahkan pengawalan dan pengawasan bagi kawasan-kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini bermakna semua kawasan operasi di bawah kawasan pihak PBT perlu mematuhi peruntukan Akta 171 dan PBT perlulah menyediakan

kemudahan asas sebagaimana yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Akta ini juga memainkan peranan penting kerana peruntukan akta ini membolehkan sebuah badan yang bertanggungjawab mentadbir sesebuah kawasan serta bertanggungjawab menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada penduduk tempatan (Dani Salleh, 2003). Namun dalam keghairahan memperkatakan pembangunan projek dari aspek perundangan dan rasionalnya kewujudan akta-akta yang menjadi garis panduan kepada pembangunan projek, masih wujud persoalan kemungkinan undang-undang atau akta-akta yang ada telah dieksploitasi oleh sesetengah pihak untuk kepentingan peribadi atau mereka yang mengharapkan imbuhan atau adakalanya undang-undang tersebut diabaikan demi memastikan pembangunan fizikal negara (Dani Salleh, 2003).

Kenyataan di dalam akhbar yang dilaporkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertajuk “PBT Gagal Manfaat Peruntukan” yang mana ia menggambarkan ketidakceapan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kerajaan pusat telah menyediakan peruntukan untuk digunakan oleh PBT bagi pelaksanaan infrastruktur seluruh negara. Daripada keseluruhan peruntukan yang diberikan, hanya 25% sahaja yang digunakan. KPKT telah menyarankan supaya PBT menggunakan semua peruntukan yang diberikan agar rakyat mendapat kebaikan daripada kemudahan infrastruktur yang disediakan. Saranan ini bertujuan untuk mengelakkan daripada peruntukan yang diberikan tersebut ditarik balik. Ini kerana sebarang peruntukan yang telah diluluskan tetapi tidak digunakan tidak boleh dibawa ke tahun akan datang dan akan ditarik balik.

Peruntukan sebanyak 25% yang digunakan untuk pembangunan infrastruktur tersebut merupakan hasil pemantauan yang dilakukan oleh Jabatan Kerajaan Tempatan daripada Mac hingga November 2013. Satu kerugian yang besar apabila peruntukan tersebut ditarik balik kerana wang tersebut boleh digunakan untuk membangunkan kawasan PBT masing-masing.

Namun hanya kelemahan PBT di dalam pengurusan dan perancangan aktiviti menyebabkan mereka kehilangan beribu-ribu ringgit. Antara projek-projek yang boleh dilaksanakan bagi kegunaan orang ramai ialah jalan raya, gerai-gerai makanan, parit, dewan orang ramai dan sebagainya.

Masalah ini sebenarnya boleh diatasi sekiranya PBT mempunyai satu perancangan yang teratur mengenai semua projek dan pembaharuan yang akan dilakukan untuk sepanjang tahun. Semua projek yang telah dirancang tersebut hendaklah dilaksanakan sebaik sahaja peruntukan daripada kerajaan telah diluluskan. Malah perancangan yang dibuat lebih awal akan memudahkan perjalanan projek yang akan dijalankan.

PBT juga sebenarnya tidak perlu menunggu kelulusan peruntukan daripada kerajaan terlebih dahulu sebelum merangka projek yang akan dijalankan. Mereka bebas untuk memilih projek yang mahu dilaksanakan di kawasan mereka sebagai pembangunan tersebut memberikan kebaikan kepada rakyat dan mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Kenyataan di dalam majalah juga melaporkan tentang isu yang membabitkan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang mana orang ramai menyuarakan kekecewaan dengan peranan yang dijalankan oleh PBT malah kabinet sendiri turut melahirkan rasa tidak puas hati terhadap cara pihak berkenaan menangani pelbagai isu yang berbangkit. Bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun DR, Mahathir Mohamad pernah memberi amaran bahawa mana-mana pegawai PBT yang tidak cekap dan mengabaikan tanggungjawab perlu diganti dengan segera.

Begitu juga dengan cara pengurusan penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengatasi masalah yang timbul khususnya menyelesaikan aduan penduduk di kawasan pentadbiran mereka kadangkala menimbulkan tanda tanya. Ini kerana tahap kekecewaan dan keprihatinan sesetengah PBT amat rendah.

Mereka hanya akan bertindak apabila masalah penduduk itu disiarkan melalui media massa walaupun laporan mengenainya telah berbulan-bulan sebelum itu dikemukakan kepada PBT terbabit. Namun mereka memberi alasan mudah dengan mengatakan laporan kes berkenaan tidak sampai ke pengetahuan mereka. Memetik kata-kata aktivis masyarakat, Tan Sri Lee Lam Thye (Massa : 5-11 Julai 2003) menyebut tentang peranan PBT yang sepatutnya menjadi pihak tertinggi dan bukannya terendah dalam menyediakan perkhidmatan dan keperluan masyarakat. Pihak Berkuasa Tempatan adalah kerajaan yang paling hampir dengan masyarakat berhadapan dengan pembangunan dan kehidupan yang menyeluruh.

Menurut kajian yang dibuat oleh Raja Noriza Raja Ariffin (2004), kebanyakan PBT tidak mampu untuk menampung keperluan perkhidmatan hasil

daripada kepesatan pembangunan. Ini kerana PBT di negara ini masih mengalami kekurangan sumber kewangan akibat daripada perkembangan bandar yang pesat serta peningkatan taraf hidup dan taraf pendidikan. Sebaliknya masyarakat yang lebih prihatin memerlukan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

Proses perbandaran yang berlaku telah menyebabkan pihak kerajaan menyediakan pelbagai infrastruktur untuk kemudahan penduduk-penduduk kampung. Merujuk kepada kajian-kajian yang dilakukan oleh Samad (1981) dan Dahlan (1982), bahawa perbandaran masa kini telah meningkatkan lagi ikatan desa dan bandar. Melalui kewujudan proses perbandaran ini sedikit sebanyak boleh memberikan impak yang positif kepada pihak kerajaan untuk menaikkan taraf penduduk kampung.

Kemudahan infrastruktur yang disediakan ini merangkumi jalan raya, pondok telefon, lampu jalan, bekalan elektrik, bekalan air, hospital, sekolah dan lain-lain lagi yang boleh memberikan faedah dan kemudahan kepada penduduk kampung untuk meneruskan hidup mereka. Menurut kajian yang telah dilakukan oleh Anand (1983), mendapati bahawa lebih kurang 81.9% dari keluarga sampel besar menikmati bekalan air. Ini secara tidak langsung meningkatkan lagi taraf hidup penduduk di kawasan kajian.

Penekanan terhadap dasar pembangunan infrastruktur merupakan aspek terpenting yang diberikan oleh kerajaan negeri yang dibuat dengan mengambil kira keperluan semasa dan permintaan dimasa hadapan yang jauh lebih mencabar. Antara aspek yang diberikan penekanan termasuklah membangunkan sepenuhnya sistem

pengangkutan iaitu merangkumi sistem atau rangkaian jalan raya, pengangkutan udara, laut dan sistem rel. Penekanan juga turut diberikan kepada pembangunan sistem sokongan lain yang tidak kurang pentingnya seperti bekalan air, elektrik, sistem telekomunikasi dan maklumat serta sistem pembedungan. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi taraf hidup penduduk di kawasan kajian dan memberikan impak yang positif kepada pihak kerajaan untuk menaikkan taraf penduduk di kawasan kajian.

Menurut kajian yang dibuat oleh Zaini Ishak (2003) menyatakan Kedah merupakan sebuah negeri yang semakin pesat menerima pembangunan. Ini dapat dilihat apabila negeri Kedah sudah diiktiraf sebagai sebuah Bandaraya. Pelbagai rancangan pemajuan dilaksanakan ke arah mencapai matlamat ini dan pihak yang terlibat ialah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (Pejabat Projek Alor Setar). Antara aspek-aspek yang terkandung ialah strategi Kedah Maju 2010 dari perspektif perancangan fizikal, peranan perancangan pemajuan, penglibatan dan penyertaan awam dalam rancangan pemajuan serta strategi pembangunan fizikal.

Umpamanya, strategi pembangunan fizikal yang seimbang di seluruh negeri adalah membawa ke arah pembangunan mampan agar persekitaran dan sumber asli dapat digunakan pada masa akan datang. Ini secara tidak langsung, semua strategi ini akan mewujudkan koridor pembangunan yang merentasi daerah-daerah mundur, meningkatkan kemudahan prasarana, utiliti, kemudahan sosial di luar bandar dan meningkatkan pengawasan alam sekitar dan pengawalan pencemaran.

Di antara strategi pembangunan yang dijalankan di Negeri Kedah Darul Aman ialah strategi kependudukan yang mana mensasarkan bilangan penduduknya yang mencapai 1.97 juta pada tahun 2010 dan 2.36 juta pada tahun 2020. Bagi strategi asas ekonomi pula ia mensasarkan pencapaian KDNK perkapita Negeri Kedah Darul Aman melebihi USD4,000. Antara aspek-aspek yang menjadi cabaran yang perlu dihadapi oleh semua pihak dalam rancangan pemajuan kea rah Kedah Maju 2010 ialah aspek perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penyelenggaraan. Bagi aspek perancangan ia meliputi pewartaan dan diterima pakai.

Ini kerana rancangan pemajuan yang telah disediakan perlu diwartakan dan tanpa pewartaan segala cadangan dan strategi yang telah dibentuk tidak dapat dilaksanakan. Malah bagi aspek pelaksanaan ia melibatkan agensi kerajaan, swasta dan orang awam. Ini kerana sesuatu rancangan pemajuan memerlukan komitmen dari semua pihak dan segala masalah yang dihadapi perlu dikaji dengan teliti.

Merujuk kepada kajian oleh Hasan Mohd Ali (1981), pembangunan di peringkat daerah sangat penting yang mana ia menjadi tumpuan projek-projek dan merupakan jentera pelaksana yang utama di peringkat negeri walaupun ia merupakan unit pentadbiran yang terkecil. Masalah pelaksanaan projek pembangunan di negeri-negeri dan daerah yang berlainan tidak semestinya sama. Ini kerana masalah umum dalam projek pembangunan di peringkat ini dapat dikesan dalam sistem dan proses perancangan koordinasi, pelaksanaan dan pengawasannya sendiri.

Maka dengan ini, penglibatan masyarakat sangat diperlukan untuk memastikan pencapaian matlamat projek. Selain itu, penyelarasan perancangan antara jabatan adalah untuk memastikan tidak berlaku pertindihan projek di satu tempat. Di dalam jentera pentadbiran pembangunan daerah, jentera yang paling penting dalam mengkoordinasikan proses perancangan pelaksanaan dan pengesahan adalah jawatankuasa tindakan daerah, jawatankuasa kerja pembangunan daerah dan sistem bilik gerakan. Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) merupakan sumber maklumat di peringkat bawah yang memberi gambaran tepat menangani permintaan rakyat. JKKK telah menjadi rujukan utama jabatan di dalam rancangan projek.

Berdasarkan hasil kajian yang sama (Hasan Mohd Ali, 1981) perancangan jawatankuasa kerja pembangunan daerah dalam tugas-tugas mengkoordinasi pelaksanaan, perjalanan kemajuan dan mengesan impak projek adalah peranan yang ideal. Ini kerana bidang tugas yang luas perlu diwujudkan jawatan kuasa yang kecil yang mengambil urusan sector pertanian, industri, sosial dan sebagainya. Keberkesanan sesuatu projek dan maklumbalas yang tepat amat diperlukan dan organisasi yang paling layak memberi maklumbalas ialah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

Sebagai kesimpulannya, sistem yang digunakan sekarang adalah lebih menekankan penggunaan peruntukan yang diluluskan tanpa mengambil kira kesan projek tersebut. Ini kerana peranan JKKK, Pegawai Daerah dan Jawatankuasa Tindakan Daerah adalah terhad, pembaikan sistem boleh berlaku dan penggarisan

peranan yang jelas kepada Pegawai Daerah dan JKKK serta bidang kuasa yang lebih luas kepada Jawatankuasa Tindakan Daerah.

Pelbagai projek pembangunan di bidang industri pelancongan, pertanian, pendidikan, prasarana dan kemudahan sosial telah Berjaya mengubah landskap Negeri Kedah Darul Aman daripada sebuah negeri berasaskan pertanian tradisional kepada ekonomi yang berasaskan pertanian komersial industri dan perkhidmatan. Pendapatan perkapita penduduk Negeri Kedah Darul Aman telah meningkat daripada RM8,950.00 tahun 2007 kepada RM10,300.00 tahun 2009. Keyakinan dengan trend pembangunan yang pantas yang didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang tinggi, Kedah akan mencapai sasaran pendapatan perkapita sebanyak RM15,200.00 pada tahun 2014.

Selaras dengan dasar-dasar dan program yang digubal di peringkat nasional, kerajaan juga telah merangka beberapa strategi dan program pembangunan yang bertujuan untuk mempercepatkan kadar pertumbuhan ekonomi sebagai usaha menyumbang kepada pencapaian matlamat wawasan negara.

Di samping itu, program pembangunan bersepadu bagi daerah-daerah yang belum maju yang dirancang akan dapat mengatasi isu ketidakseimbangan agihan di antara kawasan. Daerah Padang Terap yang mempunyai potensi dibidang pertanian dan pelancongan bakal berkembang menjadi kawasan pertumbuhan ekonomi yang baru berikutan pelaksanaan beberapa projek yang dapat menjana pertumbuhan ekonomi. Salah satu projek pembangunan ialah di bandar Sempadan Kota Putera yang akan dilengkapi dengan kawasan perniagaan, kompleks CIQ, balai polis, klinik

kesihatan, perumahan kakitangan kerajaan, kemudahan prasarana dan kompleks bebas cukai.

Negeri Kedah Darul Aman juga kaya dengan alam semulajadi dan tinggalan sejarah mampu menarik lebih ramai pelancong asing dan domestik melalui promosi yang lebih teratur dan agresif. Beberapa lokasi tarikan pelancong sedia ada merupakan produk yang bertaraf antarabangsa seperti Sungai Merbok dengan keunikan hutan paya bakau, Lembah Bujang dengan peninggalan sejarah, Muzium Padi di Gunung Keriang, Pulau Payar dan sebagainya. Langkah Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman menjalankan kajian pemuliharaan di Pulau Payar adalah tindakan positif bagi memastikan keunikan terumbu karang sedia ada dapat dikekalkan. Ia selaras dengan usaha untuk menanam budaya penyelenggaraan di kalangan pelawat dan pengendali produk pelancongan.

Secara ringkasnya, semua program dan strategi pembangunan Negeri Kedah Darul Aman adalah selaras dengan strategi pembangunan yang terdapat dalam pelan tindakan iaitu Pembangunan Industri, Pembangunan Pelancongan, Program dan Polisi Pertanian, Pembasmian Kemiskinan dan Pembangunan Komuniti Industri dan sebagainya. Tidak dapat dinafikan Negeri Kedah Darul Aman merupakan sebuah negeri yang sedang pesat membangun. Sesebuah negeri yang maju perlu mendapat sokongan pentadbiran serta pengurusan yang cekap daripada organisasi kerajaan negeri. Kelemahan dalam memberi perkhidmatan kepada kerajaan serta rakyat boleh menyebabkan perjalanan pentadbiran kerajaan menjadi tidak berkesan.

Di samping itu, perkembangan ekonomi tidak dapat dijanakan apabila permintaan serta keperluan pihak pelabur serta swasta yang diharapkan untuk menanam modal di negeri ini tidak dapat dipenuhi. Malah perkhidmatan yang bermutu kepada rakyat tidak dapat diberikan. Oleh itu, amatlah wajar bagi semua organisasi serta agensi kerajaan di Negeri Kedah Darul Aman melakukan perubahan secara sistematik serta terancang bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi serta meningkatkan kecekapan bagi menyokong hasrat menuju negeri maju satu hari nanti.

## **BAB 3**

### **LATAR BELAKANG ORGANISASI**

#### **3.1 Pengenalan**

Malaysia telah mengamalkan sistem kerajaan yang berbentuk tiga peringkat iaitu Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Kerajaan Tempatan (KT) juga dikenali sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini ditubuhkan untuk menjadi perantara atau penyelaras di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dengan Pihak Berkuasa Tempatan dalam hal-hal yang berkaitan dengan kerajaan di peringkat ketiga iaitu Kerajaan Tempatan. Kerajaan Tempatan juga mempunyai peranan yang penting dalam jentera pentadbiran negara dan memberi sumbangn besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan senarai-senarai Negeri Perkara 4, segala hal yang berhubung Kerajaan Tempatan di luar Wilayah Persekutuan adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kerajaan Persekutuan boleh mengubah dasar bagi menentukan perjalanan Pihak Berkuasa Tempatan dan dasar-dasar tersebut hanya dipatuhi apabila mendapat persetujuan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Malah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri mengikut perjanjian dan perkembangan sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (Akta 171), Seksyen 9, Kerajaan Negeri boleh memberi arahan-arahan yang berbentuk dasar-

dasar dan menjadi tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memenuhi dasar-dasar tersebut (Akta Kerajaan Tempatan 1976).

Bagi menjamin peningkatan pembangunan fizikal ekonomi negara amnya dan pembangunan fizikal di Kedah khasnya maka fungsi dan bidang kuasa Kerajaan Tempatan adalah tertakluk kepada tiga akta induk iaitu :-

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- iii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)

Bagi menjamin peningkatan dan kemantapan prestasi serta sistem pentadbiran Kerajann Tempatan (KT), pihak jabatan amat komited dalam mencapai visi dan misi melalui pendekatan pengurusan kualiti menyeluruh, penambahbaikan yang berterusan, profesionalisme kerja yang tinggi serta mematuhi prinsip dan peraturan yang ditetapkan dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan pada setiap masa.

### **3.2 Sejarah Penubuhan**

Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman, Bahagian Kerajaan Tempatan yang beribu pejabat di Wisma Darul Aman, Alor Setar mula ditubuhkan pada tahun 1981 yang mana ia merupakan salah satu bahagian di dalam organisasi Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Pejabat Setiausaha

Kerajaan merupakan salah sebuah badan kerajaan yang telah ditubuhkan sejurus selepas kemerdekaan Malaysia. Ia bertanggungjawab dalam hal-hal pentadbiran negeri termasuklah membuat keputusan-keputusan penting dan mengawasi perjalanan pentadbiran negeri secara keseluruhannya. Badan ini telah bernaung di bawah kuasa Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman dan pentadbiran eksekutif dibuat oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman.

Di dalam Perlembagaan Malaysia, Bahagian Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri tetapi dari segi perundangan ia tertakluk di bawah Kerajaan Persekutuan. Bahagian Kerajaan Tempatan adalah sebagai urusetia dan penghubung di peringkat negeri bagi menyelaraskan segala dasar peraturan dan perkara-perkara yang diputuskan di Peringkat Kerajaan Persekutuan. Antara bidang kuasa dan tanggungjawab Bahagian Kerajaan Tempatan termasuklah mengawal serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti pembangunan, pentadbiran undang-undang kewangan dan mengumpul berbagai-bagai maklumat mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Kedah Darul Aman.

Bahagian Kerajaan Tempatan juga berfungsi dalam menyelia, mentadbir dan mengurus 11 Pihak Berkuasa Tempatan di seluruh Negeri Kedah Darul Aman. Carta organisasi setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah seperti berikut dan diantaranya ialah :-

- i. Majlis Bandaraya Alor Setar
- ii. Majlis Perbandaran Sungai Petani

- iii. Majlis Perbandaran Langkawi (Bandaraya Pelancongan)
- iv. Majlis Daerah Kulim
- v. Majlis Daerah Kubang Pasu
- vi. Majlis Daerah Baling
- vii. Majlis Daerah Yan
- viii. Majlis Daerah Sik
- ix. Majlis Daerah Pendang
- x. Majlis Daerah Padang Terap
- xi. Majlis Daerah Bandar Baharu

### **3.3 Struktur Organisasi**

Bahagian Kerajaan Tempatan diketuai oleh Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan. Terdapat beberapa pegawai yang mengetuai unit-unit di bawahnya iaitu dua Penolong Setiausaha (Unit Pentadbiran dan Pemantauan Projek) dan seorang akauntan (Unit Kewangan). Struktur organisasi Bahagian Kerajaan Tempatan terbahagi kepada tiga bahagian utama iaitu Bahagian Pentadbiran, Bahagian Kewangan dan Bahagian Pengurusan Projek. Dalam setiap bahagian pula mempunyai fungsi yang berbeza dan dipecahkan kepada unit-unit yang tertentu.

### **3.3.1 Bahagian Pentadbiran**

#### **3.3.1.1 Unit Pentadbiran Am dan Pembangunan**

Unit ini ditubuhkan adalah untuk mewujudkan satu bentuk pengurusan dan pentadbiran organisasi yang sistematik, cekap dan berkesan bagi menjamin kelancaran sistem pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan berkesan. Unit ini bertanggungjawab dalam beberapa hal seperti perjawatan, penilaian prestasi, pengurusan fail/rekod/dokumen, kebajikan pekerja/cuti, soalan dewan/parlimen, Menu Prosedur Kerja (MPK) dan fail meja, mesyuarat kerajaan negeri, latihan PBT/KT, seminar/kursus, proses dan prosedur kerja, program/kempen/sambutan MS ISO dan ICT/Homepage.

#### **3.3.1.2 Unit Dasar, Perundangan dan Kewangan**

Unit ini bertanggungjawab dalam memastikan segala urusan dan pelaksanaan kerja adalah mengikut prosedur, dasar dan perundangan yang telah ditetapkan. Segala maklumat atau perkara yang berbangkit mengenai dasar dan perundangan haruslah dirujuk dan diberi perhatian. Manakala dari segi kewangan pula, beliau bertanggungjawab secara langsung terhadap kewangan di Bahagian Kerajaan Tempatan. Antaranya ialah mengenai Dasar/Polisi Kerajaan Tempatan (KT), Pekeliling Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)/Kerajaan Negeri/Kerajaan Persekutuan, Garis Panduan KPKT, Undang-undang Kecil PBT, Akta 171,172,133, Kertas Kerja dan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK),

Pewartaan, Penswastaaan, Pengurusan Sisa Pepejal, Rancangan Struktur/Tempatan, Local Agenda 21, Bajet KT, Perolehan KT dan Peralatan Pejabat.

#### **3.3.1.3 Unit Pemantauan**

Unit ini berperanan dalam menguruskan dan menyediakan maklumbalas serta memantau tindakan pelaksanaan keputusan mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) seperti tindakan jangka pendek, penjaja kecil, kemiskinan bandar dan lain-lain di samping Mesyuarat Jawatankuasa Tetap (JKT), Yang Dipertua (YDP) dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara tugas lain ialah sebagai urusetia Mesyuarat Jawatankuasa Tetap bagi Kerajaan Tempatan, Yang Dipertua (YDP) dan Setiausaha Kerajaan (SUK), menyediakan maklumbalas dan memantau pelaksanaan keputusan JKT(KT), menyelaras maklumbalas Mesyuarat Perunding Perbandaran & Majlis Daerah, menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Kerja, Mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan Persekutuan/Negeri, Laporan Pemantauan Bulanan/Tahunan, maklumbalas/Pelaksanaan Arahan Kerajaan dan lain-lain tugas yang diarahkan dari masa ke semasa.

#### **3.3.1.4 Unit Perhubungan**

Unit ini ditubuhkan untuk memastikan kelancaran operasi jabatan melalui segala pengurusan bentuk dokumentasi atau surat menyurat rasmi dan penerimaan aduan awam. Malah segala surat dan dokumen yang diterima perlulah dicatatkan dan

dikenalpasti tujuan serta bentuk tindakan yang telah dibuat. Ini secara tidak langsung akan memudahkan segala urusan dan akan menentukan setiap hal yang berkaitan akan mendapat maklumbalas serta tindakan yang sewajarnya dari pihak jabatan. Di samping itu, antara tugas lain ialah dalam menguruskan laporan serta aduan awam, mencatatkan maklumbalas aduan, ringkasan aduan, aduan masuk dan keluar, fail timbul dan segala urusan jadual mesyuarat.

#### **3.3.1.5 Unit Data dan Maklumat**

Unit ini adalah berfungsi sebagai pengumpulan maklumat dan data-data yang diperlukan di dalam perlaksanaan fungsi jabatan. Tugas unit ini adalah mengumpul data dan maklumat daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), membuat format data dan maklumat untuk tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), menyediakan ringkasan data dan maklumat yang telah dikumpul. Terdapat cara aliran proses pengurusan data dan maklumat. Di samping itu, unit ini juga berperanan dalam mengemaskini data dan maklumat yang diperolehi ke dalam sistem computer, memberi maklumbalas data dan maklumat kepada pihak kementerian, maklumbalas soalan Parlimen, mengumpul laporan bulanan seperti Kempen Menanam Pokok dan Laporan *One Stop Center* (OSC) dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa .

### **3.3.2 Bahagian Kewangan**

Bahagian ini diketuai oleh seorang Akauntan dan dibantu oleh kerani Unit Pembayaran dan Perlesenan dan Unit Kewangan PBT. Bahagian ini berperanan dalam memastikan segala pengurusan kewangan dan hasil dapat dilakukan dengan cekap dan berkesan. Antara tugas lain yang perlu dilaksanakan khususnya kepada PBT adalah seperti pembentukan Bajet Tahunan, Penyata Kewangan Tahunan, Bantuan Kewangan, Prestasi Kewangan dan Cukai Taksiran serta terlibat dalam sistem Caruman Bantuan Kadar dan Bayaran Projek (Negeri/Persekutuan).

#### **3.3.2.1 Unit Pembayaran dan Perlesenan**

Bagi Unit Pembayaran dan Perlesenan bertanggungjawab dalam memastikan pembayaran dapat dibuat dengan cepat dan tepat kepada kontraktor-kontraktor mengikut peraturan yang telah ditetapkan, penyediaan Baucer Bayaran Projek (Persekutuan/Negeri), mengemaskinikan Buku Vot Peruntukan/Perbelanjaan, Merekod dan Mengemaskini Daftar Amanah/Baucer/Waran, menyediakan Penyata Penyesuaian Buku Vot, menyemak Penyata Flimsi Bulanan, mengambil tindakan ke atas kuari (Projek Persekutuan dan Projek Negeri) Pejabat dan memproses Bayaran Balik Wang Tahunan, proses permohonan dan memperbaharui lesen pelelong dan lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.

### **3.3.2.2 Unit Kewangan**

Bagi Unit Kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ia berfungsi dalam pengurusan kewangan khususnya terhadap PBT seperti permohonan Lanjutan Tempoh/Penilaian Semula Kadar Cukai Taksiran PBT, Permohonan Hapus Kira/Pengecualian Cukai Taksiran, Permohonan Perluasan Kawasan/Penentuan Kadar Cukai Baru PBT, Pemantauan Penyerahan Permohonan Geran, Agihan Bantuan Kewangan PBT, Laporan Bulanan Prestasi Kewangan PBT, Penyediaan Penyata Kewangan PBT, Penyediaan Bajet Tahunan PBT serta Laporan Ekonomi/Maklumat Kewangan.

### **3.3.3 Bahagian Pembangunan Projek**

Unit ini berfungsi dalam memantau projek dari aspek kelulusan, peruntukan dan waran peruntukan. Antara tugas lain yang dijalankan ialah permohonan baru projek pembangunan peruntukan Kerajaan Negeri (TAHAP), menyediakan laporan prestasi perbelanjaan dan kemajuan pelaksanaan bagi projek BP.1, BP.3, BP.5 dan BP.31, kemaskini dan memantau rekod dalam Sistem Pemantauan Projek (SPP 11), urusetia dan menyelaras mesyuarat Pemantauan dan Perancangan Projek BP (Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan) dan TAHAP (Kerajaan Negeri), menyediakan surat-surat rasmi dan minit mesyuarat unit pembangunan Bahagian Kerajaan Tempatan dan lain-lain tugas yang diarahkan oleh KPSU, PSU (Pembangunan), PSU (Pentadbiran) dan Akauntan.

### 3.4 Objektif Kerajaan Tempatan

Objektif Kerajaan Tempatan yang diselaraskan dalam peruntukan Akta 171 (1976) dibahagi kepada lima bahagian yang berteraskan kepada prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru, iaitu :-

- a) Membentuk strategi pembangunan yang bersesuaian bagi memastikan pembangunan bandar dan pekan sejajar dengan identitinya (pelancongan atau pusat perdagangan).
- b) Mengenalpasti kawasan-kawasan tertentu yang sesuai untuk pembangunan bandar, pekan dan pelancongan.
- c) Merancang untuk membaiki dan meningkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur selaras dengan pembangunan bandar dan program perkembangannya.
- d) Membentuk garis panduan kemudahan pembangunan yang bersesuaian, merangkumi aspek-aspek kepadatan penduduk dan pembangunan, ketinggian bangunan, ciri senireka dan sebagainya.
- e) Mewujudkan tenaga mahir, terlatih dan berdisiplin (bermaruah) melalui program-program latihan dan tenaga manusia.

### **3.4.1 Peranan dan Fungsi Kerajaan Tempatan**

Peranan dan fungsi Kerajaan Tempatan disediakan dengan peruntukan Akta 171 (Akta Kerajaan Tempatan 1976) diantaranya ialah :-

- a) Menterjemahkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan rancangan dengan lebih terperinci.
- b) Memperhalusi garis panduan Am dan menyediakan kriteria kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi permohonan pembangunan.
- c) Menyelaraskan program-program pembangunan.
- d) Mengemukakan isu-isu perancangan dan cadangan-cadangan secara terperinci kepada Pihak Berkuasa Tempatan.
- e) Menyelaraskan aspek-aspek perancangan dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan.

### **3.4.2 Objektif Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan**

Antara objektif bahagian ini adalah seperti berikut :-

- i. Menyediakan pengkalan data hal ehwal Kerajaan Tempatan.

- ii. Membangunkan sistem 'online' PBT.
- iii. Menyediakan dasar peniaga kecil, pengindahan dan kebersihan PBT.
- iv. Menyediakan Rancangan 5 Tahun dan perancangan tahunan PBT.
- v. Membuat penilaian semula ke atas program dan aktiviti bagi memantapkan struktur PBT.
- vi. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan PBT meliputi anggaran belanjawan hasil-hasil kerajaan.
- vii. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap warga PBT melalui program-program latihan.
- viii. Meningkatkan kecekapan dan keberkesanan 'Delivery System' dengan menyeragamkan proses/prosedur kerja dan pelaksanaan MS ISO 9000.
- ix. Meningkatkan penggunaan sistem teknologi maklumat di semua PBT.
- x. Memastikan surat menyurat disediakan mengikut ketetapan masa yang dikehendaki.
- xi. Memastikan surat menyurat yang dikeluarkan adalah berkualiti.

- xii. Memastikan surat menyurat yang disiapkan diterima pegawai berkenaan.

### **3.4.3 Peranan dan Fungsi Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan**

Fungsi utama Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan adalah menyalurkan peruntukan dari pihak Kerajaan Negeri atau Persekutuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan bagi melaksanakan projek-projek kemudahan awam yang telah dikenalpasti seperti mengetar, membaiki atau menaiktaraf jalan raya, pembinaan balai raya, pasar awam, kawasan rekreasi dan sebagainya. Fungsi dan peranan Jabatan Bahagian Kerajaan adalah seperti di bahagian berikut :-

#### **i. Menyelaras pengurusan projek Pihak Berkuasa Tempatan**

- a) Perancangan
- b) Pemantauan
- c) Pembayaran
- d) Pengisian
- e) Promosi

#### **ii. Menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar/polisi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan berkaitan Kerajaan Tempatan**

- a) Pewartaan Undang-Undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- b) Penyeragaman proses-proses kerja utama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

- c) Pencalonan ahli majlis Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

**iii. Menyelaras dan memantau pengurusan kewangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- a) Hasil
- b) Belanja
- c) Bajet
- d) Teguran audit

**iv. Menyelaras dan memantau kecekapan dan keberkesanan *Delivery System* Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- a) Permohonan Kebenaran Merancang
- b) Kelulusan Sijil Layak Menduduki (CF)
- c) Kelulusan Pelan Bangunan
- d) OSC PBT
- e) Aduan Awam

**v. Penyelaras penjawatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- a) Pengisian
- b) Temuduga

**vi. Menyelaras dan memantau data dan maklumat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)**

- a) Laporan
- b) Pemantauan

- c) Simpanan rekod-rekod

**vii.** Merancang dan menyelaraskan dan memantau program-program penglibatan masyarakat

- a) Kempen tanam pokok

- b) Kempen kitar semula

- c) Local agenda 21

**viii.** Memproses permohonan lesen

- a) Pelelong

- b) Mesin cetak

**ix.** Merancang, menyelaraskan dan memantau program kebersihan dan pengindahan Pihak Berkuasa Tempatan yang mana dapat mengindahkan lagi program

#### **3.4.4 Matlamat Organisasi**

Visi\_Visi organisasi di Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan adalah untuk menjadi sebuah agensi penyelarasan dan pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang unggul di Malaysia.

Misi\_Misi dan matlamat organisasi Jabatan Bahagian Kerajaan Tempatan adalah untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Kedah ke arah member perkhidmatan perbadanan terbaik kepada pelanggan di samping menjadika (PBT) berkembang dan berdaya maju di dalam menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan bagi kualiti hidup komuniti tempatan dengan mempunyai system perkhidmatan yang efisien di dalam pelbagai bidang selaras dengan Dasar Kerajaan.

#### **3.4.4.1          Dasar Kualiti**

Kami komited bagi mencapai misi dan visi jabatan melalui pendekatan pengurusan kualiti menyeluruh, penambahbaikan yang berterusan, profesionalisma kerja yang tinggi serta mematuhi prinsip dan peraturan yang ditetapkan dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik kepada semua pelanggan pada setiap masa.

#### **3.4.4.2          Nilai Teras**

Terdapat 10 nilai teras dalam Jabata Bahagian Kerajaan Tempatan. Antaranya ialah amanah, yakin, tekun, hargai masa, bekerjasama, proaktif, inovatif, keterbukaan dan utamakan pelanggan. Ianya berteraskan kepada prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru iaitu mengadakan khidmat bantuan kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

#### **3.4.4.3 Strategi Piagam**

Piagam pelanggan boleh dirujuk dalam Lampiran 18 ialah :-

- i. Memastikan surat menyurat yang memerlukan jawapan diambil tindakan dalam tempoh 2 hari.
- ii. Menyediakan baucer bayaran projek untuk dihantar ke jabatan pembayaran dalam tempoh 3 hari.
- iii. Memastikan surat aduan awam diambil tindakan dalam tempoh 2 hari.
- iv. Memastikan permohonan lesen pelelong dip roses dalam tempoh 2 hari.
- v. Memastikan bil-bil bayaranbekalan diproses dalam tempoh 3 hari.
- vi. Memastikan baucer-baucer teguran dari pejabat pembayar akan diberi jawapan dalam masa 3 hari.
- vii. Memastikan anggaran belanjaawan tahunan akan disiapkan dalam masa yang ditetapkan.
- viii. Memastikan semua projek-projek yang dilaksanakan siap dalam masa yang ditetapkan.

- ix. Memastikan semua pelanggan akan diberi layanan yang mesra dan cepat.

### **3.5 Perkembangan Organisasi**

Kemajuan dan pembangunan dalam pentadbiran awam telah menjadi agenda utama dalam kerajaan. Ini dapat dilihat pelbagai usaha dan perancangan telah dibuat untuk meningkatkan kualiti serta keupayaannya agar lebih berdaya maju dan selaras dengan peredaran masa. Menyedari hal ini, pihak di Jabatan Kerajaan Tempatan juga tidak mahu ketinggalan dan akan terus berusaha untuk merealisasikan dasar serta komitmen yang diberikan oleh kerajaan. Ini dapat dilihat apabila di jabatan tersebut bermula dengan sebuah unit yang agak kecil dan ada kekurangan kelengkapan serta kakitangan maka jabatan ini telah mengorak langkah dengan lebih drastik dan komited dalam usaha meningkatkan keupayaan untuk terus berdaya maju.

Perubahan demografi seperti pertambahan penduduk dan penbandaran yang pesat telah menuntut Bahagian Kerajaan Tempatan melakukan beberapa bentuk reformasi. Bagi menyelesaikan masalah dalam pentadbiran dan persekitaran kerja, maka pihak kerajaan telah bertindak membentuk dua Bahagian utama di dalam menyokong pentadbirannya iaitu Bahagian Pentadbiran dan Bahagian Kewangan. Dalam setiap bahagian pula terdapat beberapa unit bawahnya dan bertindak mengikut bidang tugas yang telah ditetapkan. Setiap bahagian ini adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pertindihan tugas dan membolehkan setiap bahagian beroperasi secara lebih tersusun dan sistematik.

Namun begitu, pihak kerajaan juga bertindak dalam menambahkan bilangan kakitangan memandangkan terdapat beban kerja yang semakin bertambah. Hal ini bukan sahaja untuk kakitangan Kumpulan Sokongan tetapi juga di peringkat pentadbiran atau pegawai. Selain itu, perlantikan kakitangan adalah berdasarkan kepada kelayakan dari segi akademik, kebolehan, pengalaman, kepimpinan dan sebagainya. Disamping itu, dalam meningkatkan kecekapan dan keupayaan kakitangannya maka pihak pengurusan akan menghantar kakitangan bagi mengikuti pelbagai bentuk latihan serta kursus sama ada disediakan oleh kerajaan dan dirancang sendiri oleh jabatan tersebut.

Selaras dengan dasar kerajaan dalam mewujudkan sebuah kerajaan elektronik maka pihak jabatan telah dibekalkan dengan pelbagai peralatan yang canggih dan terkini. Dengan ini, kemajuan teknologi yang amat pesat telah membuka ruang kepada pihak jabatan untuk memantapkan lagi sistem pentadbirannya. Misalnya, kemudahan dalam menyediakan sistem computer, fax dan adanya internet.

### **3.6 Rumusan Bab**

Secara kesimpulannya, Bahagian Kerajaan Tempatan adalah sebuah organisasi kerajaan yang agak kecil. Namun tanggungjawab dan peranan yang perlu dilaksanakannya adalah amat besar di dalam usaha dalam memastikan kemajuan dan kepuasan semua pihak khasnya Pihak Berkuasa Tempatan, orang awam dan pihak kerajaan sendiri.

Dengan ini semua pihak sama ada di peringkat atasan mahupun peringkat bawahan di Bahagian Kerajaan Tempatan perlulah terus berusaha dan bersatu tenaga demi mencapai matlamat dan cita-cita yang telah ditetapkan. Malah budaya kerja yang baik dan berteraskan kualiti harus diberi perhatian agar kepercayaan dan pencapaian yang berkesan selama ini akan ditingkatkan.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA**


#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menyampaikan penganalisaan data yang diperolehi setelah mendapat kembali boring soal selidik. Bahagian pertama bab ini akan dibentangkan data demografi dan deskriptif. Di dalam analisis deskriptif apa yang dibincangkan adalah seperti umur, bangsa, jantina, status perkahwinan, taraf pendidikan, kategori jawatan dan tempoh perkhidmatan. Di dalam analisis ini akan diterangkan satu persatu tentang responden.

#### **4.2 Analisis Deskriptif**

##### **4.2.1 Demografi Responden**

Terdapat 15 orang responden yang terlibat dalam kajian ini. Responden yang berumur 40 tahun ke atas adalah sebanyak 8 orang atau 53.3 peratus, diikuti oleh responden yang berumur antara 25 tahun ke bawah, 25 hingga 30 tahun dan 35 hingga 40 tahun di mana masing-masing 2 orang atau 13.3 peratus (Rajah 4.1). Manakala seorang atau 6.7 pratus yang berumur antara 30 hingga 35 tahun.



**Rajah 4.1: Umur Responden**

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan secara keseluruhannya responden adalah berbangsa Melayu iaitu 15 orang responden atau 100 peratus (lihat Jadual 4.1).

**Jadual 4.1: Bangsa Responden**

| Bangsa | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|--------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Melayu | 15        | 100.0         | 100.0             | 100.0               |
| Jumlah | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Daripada kajian yang telah dibuat mendapati responden kajian terdiri daripada kakitangan lelaki iaitu sebanyak 8 orang atau 53.3 peratus manakala kakitangan perempuan sebanyak 7 orang responden atau 46.7 peratus. Jadual 4.2 memperlihatkan profil jantina responden.

**Jadual 4.2 : Profil Jantina Responden**

| Jantina   | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|-----------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Lelaki    | 8         | 53.3          | 53.3              | 53.3                |
| Perempuan | 7         | 46.7          | 46.7              | 100                 |
| Jumlah    | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |


Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian yang dibuat telah mendapati responden yang berkahwin adalah seramai 12 orang (80%). Manakala yang masih belum berkahwin adalah seramai 3 orang (20%). Kajian ini mudah dilihat melalui Rajah 4.3.

**Jadual 4.3: Status Perkahwinan Responden**

| Jantina   | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|-----------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bujang    | 3         | 20.0          | 20.0              | 20.0                |
| Berkahwin | 12        | 80.0          | 80.0              | 100.0               |
| Jumlah    | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)



**Rajah 4.2 : Status Perkahwinan**

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Analisis yang dijalankan mendapati responden yang berpendidikan SPM adalah 3 orang atau 20 peratus. Bagi yang berpendidikan STPM adalah seramai 7 orang atau 46.7 peratus manakala responden yang berpendidikan Ijazah adalah 5 orang atau 33.3 peratus. Maklumat ini mudah di lihat berdasarkan Rajah 4.4.

**Jadual 4.4 : Taraf Pendidikan**

| Jantina | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|---------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| SPM     | 3         | 20.0          | 20.0              | 20.0                |
| STPM    | 7         | 46.7          | 46.7              | 66.7                |
| Ijazah  | 5         | 33.3          | 33.3              | 100.0               |
| Jumlah  | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |


Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

**Jadual 4.5 : Kategori Jawatan Responden**

| Jawatan   | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|-----------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Tetap     | 11        | 73.3          | 73.3              | 73.3                |
| Sementara | 3         | 20.0          | 20.0              | 93.3                |
| Kontrak   | 1         | 6.7           | 6.7               | 100.0               |
| Jumlah    | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian telah mendapati jawatan responden yang tinggi adalah jawatan tetap iaitu seramai 11 orang atau 73.3 peratus. Manakala jawatan sementara adalah seramai 3 orang atau 20 peratus. Sebaliknya seorang masih dalam jawatan kategori kontrak iaitu sebanyak 6.7 peratus. Hasil maklumat ini juga mudah dapat dilihat dalam Jadual 4.5.



**Rajah 4.3 : Kategori Jawatan**


Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

**Jadual 4.6 : Tempoh Perkhidmatan Responden**

| Tempoh Perkhidmatan | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|---------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| 1 – 5 Tahun         | 7         | 46.7          | 46.7              | 46.7                |
| 5 – 10 Tahun        | 5         | 33.3          | 33.3              | 80.0                |
| 10 tahun Ke Atas    | 3         | 20.0          | 20.0              | 100.0               |
| Jumlah              | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Kajian mendapati rata-rata responden telah berkhidmat antara 1 hingga 5 tahun adalah seramai 7 orang atau 46.7 peratus. Bagi responden yang berkhidmat antara 5 hingga 10 tahun seramai 5 orang atau 33.3 peratus manakala 10 tahun ke atas adalah seramai 3 orang atau 20.0 peratus. Ini dapat dilihat dalam Jadual 4.6.



**Rajah 4.4 : Tempoh Perkhidmatan Responden**

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

#### 4.2.2 Peranan PBT Dalam Pembangunan

Analisis ini dibuat bagi menunjukkan tahap persetujuan responden mengenai beberapa pengukuran seperti mana terdapat di dalam soal selidik bagi persetujuan responden terhadap peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pembangunan. Skor 1 (sangat tidak bersetuju) dan skor 2 (tidak bersetuju) seperti di dalam soal selidik dikelaskan sebagai tidak melepasi tahap keberkesanan (< para). Manakala skor 3 (bersetuju) dan skor 4 (sangat bersetuju) adalah melebihi ukuran keberkesanan (> paras)

**Jadual 4.7 : Meningkatkan kualiti hidup komuniti**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Tidak Bersetuju  | 1         | 6.7           | 6.7               | 6.7                 |
| Bersetuju        | 7         | 46.7          | 46.7              | 53.3                |
| Sangat Bersetuju | 7         | 46.7          | 46.7              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian yang dijalankan mendapati rata-rata responden bersetuju dan sangat bersetuju terhadap peranan PBT dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti tempatan dengan baik dan berkesan iaitu masing-masing 46.7 peratus atau 7 orang. Manakala seorang responden atau 6.7 peratus yang menyatakan tidak bersetuju dengan peranan yang dijalankan oleh PBT (lihat Jadual 4.7).

**Jadual 4.8 : Mengadakan prasarana yang mencukupi**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Tidak Bersetuju  | 1         | 6.7           | 6.7               | 6.7                 |
| Bersetuju        | 5         | 33.3          | 33.3              | 40.0                |
| Sangat Bersetuju | 9         | 60.0          | 60.0              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Jadual 4.8 menunjukkan kebanyakan responden sangat bersetuju dengan peranan PBT dengan mengadakan prasarana yang lengkap dengan dasar kerajaan. Sebanyak 9 orang responden atau 60 peratus responden yang menyatakan setuju sebanyak 33.3 peratus atau 5 orang. Manakala 6.7 peratus atau seorang responden menyatakan tidak setuju.

**Jadual 4.9 : Memberi khidmat bantuan teknikal dan kepakaran**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 9         | 60.0          | 60.0              | 60.0                |
| Sangat Bersetuju | 6         | 40.0          | 40.0              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

umber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian mendapati 6 orang responden sangat bersetuju (40%) terhadap bantuan yang diberikan oleh PBT terutama dari segi teknikal dan kepakaran dalam sesuatu projek pembangunan manakala 9 orang responden menyatakan bersetuju (60%) (Jadual 4.9).

**Jadual 4.10 : Peranan PBT melaksanakan tugas-tugas berkesan**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 4         | 26.7          | 26.7              | 26.7                |
| Sangat Bersetuju | 11        | 73.3          | 73.3              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Jadual 4.10 mendapati hasil kajian yang dibuat terhadap 11 orang responden menyatakan sangat bersetuju (73.3%). Manakala 4 orang (26.7%) responden menyatakan bersetuju tentang PBT perlu melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan.

**Jadual 4.11 : Mengenalpasti lokasi yang sesuai untuk jenis pembangunan**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 10        | 66.7          | 66.7              | 66.7                |
| Sangat Bersetuju | 5         | 33.3          | 33.3              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber: Kajian Lapangan (2014, n=15)

Jadual 4.11 mendapati jumlah responden yang tinggi menyatakan bersetuju iaitu 10 orang (66.7%) manakala responden menyatakan sangat bersetuju adalah 5 orang (33.3%). PBT perlu mengenalpasti kawasan-kawasan tertentu yang sesuai untuk pembangunan bandar, pekan dan pelancongan.

**Jadual 4.12 : Perlaksanaan projek pembangunan selaras dengan akta**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 7         | 46.7          | 46.7              | 46.7                |
| Sangat Bersetuju | 8         | 53.3          | 53.3              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian mendapati ramai responden menyatakan persetujuan tentang pelaksanaan projek pembangunan perlu diselaraskan dengan peruntukan akta yang berkaitan. Ini dapat dilihat responden yang menyatakan bersetuju adalah sebanyak 7 orang (46.7%) manakala responden menyatakan sangat bersetuju adalah 8 orang (53.3%) (Jadual 4.12).

**Jadual 4.13 : Peranan PBT meningkatkan penyediaan infrastruktur**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 9         | 60.0          | 60.0              | 60.0                |
| Sangat Bersetuju | 6         | 40.0          | 40.0              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Daripada Jadual 4.13, kebanyakan responden yang bersetuju menyatakan PBT perlu merancang pembaikan dan menyediakan kemudahan infrastruktur adalah 9 orang (60%) manakala sangat bersetuju sebanyak 6 orang (40%).

**Jadual 4.14 : Masalah kewangan sering menjadi beban kepada PBT**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 10        | 66.7          | 66.7              | 66.7                |
| Sangat Bersetuju | 5         | 33.3          | 33.3              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Kajian mendapati majoriti responden bersetuju menyatakan kewangan menjadi bebanan kepada PBT iaitu bersetuju seramai 10 orang (66.7%). Sebaliknya responden menyatakan sangat bersetuju adalah 5 orang (33.3%) (Jadual 4.14).

**Jadual 4.15 : Keperluan penyediaan kemudahan mengikut piawaian perancangan**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 8         | 53.3          | 53.3              | 53.3                |
| Sangat Bersetuju | 7         | 46.7          | 46.7              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber: Kajian Lapangan (2014, n=15)

Responden bersetuju tentang keperluan kemudahan masyarakat perlu mengikut piawaian perancangan yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu 8 orang (53.3%). Manakala sangat bersetuju adalah 7 orang (46.7%) (Jadual 4.15).

**Jadual 4.16 : PBT perlu menilai kawasan-kawasan pembangunan di masa akan datang**

| Skor             | Kekerapan | Peratusan (%) | Peratusan Sah (%) | Peratusan Kumulatif |
|------------------|-----------|---------------|-------------------|---------------------|
| Bersetuju        | 9         | 60.0          | 60.0              | 60.0                |
| Sangat Bersetuju | 6         | 40.0          | 40.0              | 100.0               |
| Jumlah           | 15        | 100.0         | 100.0             |                     |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Hasil kajian mendapati bahawa responden bersetuju terhadap PBT yang mana perlu menilai kawasan-kawasan pembangunan untuk masa akan datang. Jumlah responden adalah seramai 9 orang (60%). Manakala sangat bersetuju yang dinyatakan oleh responden ialah 6 orang (40%) (Jadual 4.16).

**Jadual 4.17 : Statistik deskriptif min demografi responden**

| Perkara    | Minimum | Maksimum | Min    | Sisihan Piawai |
|------------|---------|----------|--------|----------------|
| Umur       | 1.00    | 5.00     | 3.8000 | 1.56753        |
| Bangsa     | 1.00    | 1.00     | 1.0000 | 0.00000        |
| Jantina    | 1.00    | 2.00     | 1.4667 | 0.51640        |
| Status     | 1.00    | 2.00     | 1.8000 | 0.41404        |
| Pendidikan | 1.00    | 4.00     | 2.4667 | 1.18723        |
| Jawatan    | 1.00    | 3.00     | 1.3333 | 0.61721        |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Daripada Jadual 4.17 di atas mendapati tahap skor minimum bagi maklumat demografi seperti umur adalah 1.00 dan skor maksimum ialah 5.00 dengan min 3.8000 dan sisihan piawaian ialah 1.56753. Bagi responden mengikut bangsa pula mendapati tahap skor minimum dan tahap skor maksimum adalah sama masing-masing 1.00 dengan min 1.0000. Selain itu, tahap skor minimum bagi jantina responden ialah 1.00 manakala tahap skor maksimum adalah 2.00 dengan min adalah 1.4667. Bagi tahap pendidikan responden, mendapati tahap skor minimum ialah 1.00 dan tahap skor maksimum pula adalah 4.00 dengan min 2.4667 serta sisihan piawaian ialah 1.18723. Bagi kategori jawatan pula, tahap skor minimum adalah 1.00 dan skor maksimum adalah 3.00 dengan minimum sebanyak 1.3333 dan sisihan piawaian adalah 0.61721.

**Jadual 4.18: Statistik deskriptif min bagi peranan PBT dalam pembangunan**

| Perkara                                                                                        | Minim | Maksimum | Min    | Sisihan<br>Piawai |
|------------------------------------------------------------------------------------------------|-------|----------|--------|-------------------|
| Meningkatkan kualiti hidup komuniti tempatan dengan baik dan berkesan                          | 2.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.63246           |
| Mengadakan prasarana yang lengkap sejajar dengan dasar kerajaan                                | 2.00  | 4.00     | 3.5333 | 0.63994           |
| Memberi khidmat bantuan dari segi teknikal dan kepakaran dalam sesuatu projek pembangunan      | 3.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.50709           |
| PBT perlu melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan              | 3.00  | 4.00     | 3.7333 | 0.45774           |
| Pelaksanaan projek pembangunan perlu selaras dengan peruntukan akta yang berkaitan             | 3.00  | 4.00     | 3.5333 | 0.51640           |
| PBT perlu merancang pembaikan dan meningkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur              | 3.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.50709           |
| Merancang Strategi pembangunan yang bersesuaian sejajar dengan identitinya                     | 3.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.50709           |
| Membentuk garis panduan kemudahan pembangunan yang bersesuaian                                 | 2.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.63246           |
| Kakitangan PBT perlu berkemahiran, terlatih melalui program-program latihan dan tenaga manusia | 3.00  | 4.00     | 3.2667 | 0.45774           |
| Kawasan yang bermasalah perlu segera pembaikan atau pembangunan semula                         | 2.00  | 4.00     | 3.2667 | 0.70373           |
| Masalah kewangan sering menjadi beban kepada PBT                                               | 3.00  | 4.00     | 3.3333 | 0.48795           |
| Keperluan kemudahan masyarakat perlu mengikut piawaian perancangan                             | 3.00  | 4.00     | 3.4667 | 0.51640           |
| PBT perlu menilai kawasan-kawasan pembangunan di masa akan datang                              | 3.00  | 4.00     | 3.4000 | 0.50709           |
| Kemudahan infrastruktur yang disediakan mencukupi                                              | 3.00  | 4.00     | 3.4667 | 0.51640           |
| Menyediakan dan memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan                                | 3.00  | 4.00     | 3.5333 | 0.51640           |
| Kekurangan kakitangan berkemahiran merupakan kelemahan organisasi PBT                          | 3.00  | 4.00     | 3.2000 | 0.41404           |

Sumber : Kajian Lapangan (2014, n=15)

Dengan merujuk kepada Jadual 4.18, statistik deskriptif min bagi peranan PBT dalam pembangunan adalah seperti berikut di mana dalam meningkatkan kualiti hidup komuniti tempatan dengan baik dan berkesan bagi tahap skor minimum adalah 2.00 dan skor maksimum 4.00 dengan min 3.4000.

Bagi kemudahan infrastruktur yang disediakan mendapati tahap skor minimum ialah 3.00 dan tahap skor maksimum adalah 4.00 dengan min 3.4667. Begitu juga tahap skor minimum bagi pelaksanaan projek dalam membentuk garis panduan pembangunan perlu diselaraskan dengan peruntukan akta yang berkaitan adalah 2.00 dan tahap skor maksimum adalah 4.00 dengan min 3.4000 dan sisihan piawaian ialah 0.63246. Di samping itu, peranan PBT dalam mengatasi kawasan yang bermasalah juga didapati tahap skor minimum adalah 2.00 dan tahap skor maksimum adalah 4.00 dengan min 3.2667 dan sisihan piawaian adalah 0.70373.

## **BAB 5**

### **RUMUSAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.1 Pengenalan**

Bab ini secara keseluruhan akan membincangkan hasil keputusan daripada Bab 4 yang dilakukan ke atas responden terhadap perlaksanaan akta dan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam pembangunan fizikal ekonomi di Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Kedah Darul Aman. Secara amnya, kesimpulan kajian ini akan merujuk semula kepada mengukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam maningkatkan pembangunan fizikal ekonomi di Negeri Kedah Darul Aman.

#### **5.2 Rumusan Penemuan Kajian**

Berdasarkan kepada perbincangan yang telah dijalankan, hasil analisis kajian secara keseluruhannya mendapati umur responden yang nerumur 40 tahun ke atas adalah yang paling tinggi iaitu sebanyak 53.3 peratus atau 8 orang. Ini diikuti oleh responden yang berumur 25 tahun ke bawah, 25 hingga 30 tahun dan 35 hingga 40 tahun masing-masing 2 orang atau 13.3 peratus. Manakala umur responden yang paling kurang 30 hingga 35 tahun adalah 6.7 peratus atau seorang responden.

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan secara keseluruhannya mendapati responden adalah berbangsa Melayu iaitu 15 orang atau 100 peratus. Di samping itu, hasil kajian yang telah dibuat ke atas status perkahwinan responden rata-rata keseluruhan responden telah berkahwin iaitu 12 orang atau 80 peratus berbanding yang tidak berkahwin adalah seramai 3 orang iaitu 30 peratus. Analisis kajian yang telah dibuat ke atas responden mengenai taraf pendidikan didapati taraf pendidikan yang paling ramai adalah berpendidikan STPM iaitu seramai 7 orang atau 46.7 peratus.

Ini diikuti oleh responden yang berpendidikan Ijazah yang mana perbezaan ini tidak jauh bezanya hanya 33.3 peratus atau 5 orang. Manakala bagi responden yang berpendidikan SPM hanya seramai 3 orang iaitu 20 peratus. Dapatan kajian juga mendapati bahawa kakitangan yang berjawatan tetap adalah tinggi iaitu seramai 11 orang atau 73.3 peratus. Ini diikuti oleh kakitangan yang berjawatan sementara iaitu seramai 3 orang atau 20 peratus manakala kakitangan yang berjawatan kontrak adalah rendah iaitu seorang atau 6.7 peratus.

Selain itu, kajian ini mendapati secara keseluruhan responden telah menyatakan persetujuan terhadap pelaksanaan akta dan peranan PBT dalam pembangunan fizikal ekonomi di Bahagian Kerajaan Tempatan. Ini dapat dilihat apabila responden menyatakan sangat bersetuju dengan pelaksanaan projek pembangunan yang perlu diselaraskan dengan peruntukan akta yang berkaitan iaitu sebanyak 7 orang (46.7%). Manakala responden menyatakan bersetuju adalah seramai 8 orang (53.3%).

Begitu juga hasil kajian mendapati kebanyakan responden bersetuju terhadap peranan PBT dalam memberi bantuan dari segi teknikal dan kepakaran dalam sesuatu projek pembangunan iaitu seramai 9 orang (60%). Bagi responden yang menyatakan sangat bersetuju adalah seramai 6 orang (40%). Seterusnya hasil kajian mendapati secara keseluruhannya responden bersetuju peranan PBT dalam mengenalpasti kawasan-kawasan yang sesuai untuk pembangunan projek iaitu seramai 10 orang (66.7%).

Ini berbanding dengan responden yang menyatakan sangat bersetuju adalah seramai 5 orang (33.3%). Di samping itu, rumusan kajian juga mendapati tahap skor min bagi kategori umur adalah tinggi iaitu sebanyak 3.8000 di mana tahap skor minimum adalah 1.00 dan skor maksimum ialah 5.00 dan sisihan piawaian adalah 1.56753. Manakala tahap skor min bagi kategori bangsa adalah yang paling rendah iaitu 1.000 di mana tahap skor minimum dan maksimum masing-masing adalah 1.00. Bagi hasil kajian mengenai peranan PBT dalam pembangunan dalam melaksanakan tugas dengan berkesan mendapati tahap skor min yang paling tinggi adalah 3.7333 di mana tahap skor minimum adalah 3.00 manakala tahap skor maksimum ialah 4.00 dengan sisihan piawaian adalah 0.45774.

### **5.2.1 Akta-akta berkaitan Pihak Berkuasa Tempatan pada masa kini**

Pada peringkat awal satu Akta Kerajaan Tempatan (Peruntukan-peruntukan Sementara) telah digubal pada tahun 1973. Kemudian akta ini telah digantikan dengan akta yang lebih menyeluruh dan tertakluk kepada tiga akta induk, iaitu :-

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)
- ii. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- iii. Akta Jalan, Parit dan bangunan 1974(Akta 133)

#### **5.2.1.1 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)**

Akta Kerajaan Tempatan juga dikenali sebagai Akta 171 digunal bagi memudahkan pengawalan dan pengawasan bagi kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini bermakna semua kawasan operasi di bawah kawasan pihak PBT perlu mematuhi peruntukan Akta 171 dan PBT perlu menyediakan kemudahan asas sebagaimana yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Kerajaan tempatan sebenarnya boleh mengambil bahagian secara aktif dalam pembangunan, pelaksanaan, kebenaran dan kelulusan daripada pihak kerajaan negeri mesti diperolehi.

Melalui peruntukan Akta 171 juga peranan PBT perlu memastikan kawasan operasinya mempunyai kemudahan asa yang mencukupi serta perlu memastikan sebarang projek pembangunan perlu mendapat kelulusan bertulis daripada PBT. Malah PBT juga perlu membuat penilaian dan memproses sebarang permohonan untuk pembinaan sesebuah projek pembangunan di bawah seliannya. Oleh yang demikian, pihak pemaju mestilah mengemukakan permohonan sebarang bentuk pembinaan projek dalam kawasan operasi PBT sebelum projek itu dijalankan.

#### **5.2.1.2 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)**

Akta 172 digubal bertujuan untuk memastikan persamaan persamaan undang-undang dan dasar serta mengadakan kawalan dan peraturan yang sempurna untuk perancangan bandar dan desa di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri Semenanjung Malaysia. Akta 172 juga memberikan garis panduan yang perlu diikuti oleh pihak pemaju dalam sebarang permohonan untuk tujuan pembangunan terutamanya yang berkaitan dengan projek pembinaan sama ada projek itu milik kerajaan mahupun pihak swasta (Akta 172).

Selain itu, Bahagian III Akta 172 yang berkaitan dengan Rancangan Pemajuan dimana PBT perlu menyediakan draf Rancangan Struktur bagi kawasan operasi PBT. Menerusi Akta 172 ini, PBT boleh bertindak sebagai Pihak Berkuasa Tempatan bagi menjalankan tugas berkenaan. Pelan pembangunan yang telah diluluskan kelak akan berkuatkuasa sebagai rujukan undang-undang dan garis panduan bagi setiap cadangan pembangunan yang hendak dimajukan di kawasan berkenaan (AKta 172).

Dalam hubungan yang sama, Bahagian IV-Pengawalan Perancangan, Akta 172 memberi kuasa kepada PBT untuk member kelulusan dan ketetapan kepada pembangunan-pembangunan yang dicadangkan dengan rujukan kepada dasar-dasar pelan pembangunan di samping dapat memenuhi aspirasi pembangunan negeri. Justeru itu, kebenaran PBT perlu diperolehi terlebih dahulu sebelum sebarang bentuk pembangunan dapat dijalankan dikawasan tempatan.

Sehubungan dengan itu, sebarang bentuk pemajuan yang dicadangkan oleh pihak pemaju ke atas tapak projek, mestilah mengikut peruntukan perancangan tempatan. Ini merujuk kepada seksyen 18(1), Akta 172 telah menjelaskan bahawa tiada seorang pun boleh menggunakan atau membenarkan digunakan sesuatu tanah atau bangunan melainkan dengan menurut Rancangan Tempatan. Ini adalah bertujuan bagi memastikan semua projek pembinaan yang dibangunkan mempunyai keseimbangan dan kesinambungan serta mampu mewujudkan pembangunan mampan dan seimbang sebagaimana yang dirancang (Akta 172).

#### **5.2.1.3 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)**

Akta Jalan, Parit dan Bagunan 1974 juga dikenali sebagai Akta 133 yang digubal bagi menyatukan undang-undang berhubung dengan jalan, parit dan bangunan dalam kawasan-kawasan PBT di Malaysia barat dan maksud-maksud berkaitan dengannya. Akta ini juga bertujuan menyeragamkan dan penyelarasan dalam penguatkuasaan undang-undang pembinaan di kalangan PBT yang dahulunya mempunyai undang-undang berbeza (Ahmad AtoryHussain, 1991).

Tapak bina bagi sesebuah projek pembinaan perlu mematuhi peruntukan yang terdapat dalam Akta 133 terutama yang berkaitan dengan jalan yang hendak dimajukan ke atas tapak bina, sistem perparitan serta pembinaan bangunan itu sendiri perlu mengikut piawaian yang telah ditetapkan (Akta 133).

Peruntukan-peruntukan dalam akta ini merupakan garis panduan dan peraturan lengkap yang perlu diikuti dalam sebarang pembinaan struktur dan penyediaan infrastruktur untuk proses pembangunan. Peruntukan akta ini dapat memperkembangkan lagi kuasa PBT untuk mengawal selian sebarang bentuk pembinaan untuk memastikan ciri-ciri keselamatan dan keselesaan diutamakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Kajian ini mendapati bahawa rata-rata responden keseluruhannya mempunyai persepsi yang positif iaitu menyatakan persetujuan mereka terhadap pelaksanaan akta dan peranan PBT dalam pembangunan fizikal ekonomi di Negeri Kedah Darul Aman. Sungguhpun PBT memainkan peranan penting dalam menjalankan proses pembangunan, namun sebilangan besar kakitangan PBT masih gagal menyempurnakan tugas yang dipertanggungjawabkan dengan berkesan.

Kelemahan yang paling ketara di kalangan PBT ialah sumber kewangannya yang terhad padahal PBT seharusnya boleh menghasilkan sumber kewangannya sendiri. Ini merupakan penghalang utama bagi PBT untuk menjalankan peranan dan tugas dengan berkesan dan menyeluruh. Keadaan ini amat jelas sekali kita lihat kepada Majlis-Majlis Daerah di mana sebahagian besar sumber kewangannya hanya bergantung kepada bantuan yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, setiap organisasi tidak kira ianya pihak swasta dan mahupun kerajaan, sumber kewangan adalah merupakan nadi utama untuk mengerakkan aktiviti organisasi. Bagi organisasi di bahagian Kerajaan Tempatan (KT), sumber kewangan tidak perlu mendatangkan masalah kepada organisasi. Ini kerana organisasi ini mempunyai dua sumber utama iaitu Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Pendapatan yang diperolehi pula adalah berbentuk static dan berterusan setiap tahun dengan jumlah yang mencukupi. Ini secara langsung dapat memudahkan lagi segala aktiviti pembangunan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan. Sumber kewangan ini juga dapat disalurkan mengikut keperluan yang mana ia adalah untuk kepentingan pembangunan fizikal Negara terutamanya di Negeri Kedah Darul Aman.

#### **5.4 Cadangan Penambahbaikan**

Kajian ini hanya melihat persepsi tahap persetujuan responden terhadap pelaksanaan akta dan peranan PBT dalam meningkatkan pembangunan fizikal ekonomi di Kedah. Ia tidak mengkaji pandangan secara menyeluruh kerana masalah kekangan masa, kos dan skop yang lebih luas. Walaupun PBT merupakan sebagai sebahagian daripada jentera pentadbiran Negara, ia diletakkan pada peringkat terakhir susunan kerajaan sebagai sebuah badan pelaksana dan peneraju utama dalam melaksana, menjayakan dan merealisasikan dasar-dasar pembangunan Negara. Umpamanya, projek pembangunan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), peruntukan kewangan diberi di bawah Tahap Pembangunan Ekonomi dan Infrastruktur serta Kesejahteraan Hidup (PROJEK TAHAP).

Beberapa cadangan telah dikenalpasti untuk meningkatkan dan mengukuhkan lagi strategi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Antaranya seperti berikut :-

- a) Meningkatkan jumlah peruntukan yang diperolehi daripada KPKT dan lain-lain agensi Persekutuan.
- b) Keupayaan pentadbiran ditingkatkan dengan penambahan kakitangan terutamanya kakitangan teknikal.
- c) Meningkatkan prestasi kutipan cukai, lesen, denda, kompuan, tunggakan dan sebagainya dalam tempoh masa yang ditetapkan dan berterusan.
- d) Program-program penswastan yang melibatkan peranan dan fungsi PBT perlu dikaji sedalam-dalamnya.

## **5.5 Kesimpulan Kajian**

Secara keseluruhannya, kajian ini telah mencapai objektif yang dinyatakan. Ini dapat dibuat kesimpulan bahawa Kerajaan Tempatan (KT) adalah sebuah organisasi yang bertanggungjawab serta menguruskan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi Bahagian Kerajaan Tempatan (KT) strategi yang berkesan adalah penting bagi menguruskan 11 buah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Kedah Darul Aman.

Bagi memastikan ianya berfungsi dengan baik dan berdaya maju untuk menghadapi karenah setiap PBT terutamanya dalam peningkatan pembangunan fizikal ekonomi Negara. Kerajaan Tempatan bukan hanya bertanggungjawab menguruskan soal Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sahaja malah ianya juga bertanggungjawab dalam segala urusan perlesenan, kontrak perjawatan, pembayaran peruntukan projek dan sebagainya.

Ini merupakan tanggungjawab yang agak berat yang mesti dipikul oleh Kerajaan Tempatan (KT) yang bukan hanya menguruskan masalah PBT malah mengendalikan urusan kebajikan masyarakat yang mahukan lesen perniagaan dan sebagainya. Malah Akta 171 juga memainkan peranan penting kerana peruntukan akta ini membolehkan sebuah badan yang bertanggungjawab mentadbir sesebuah kawasan serta bertanggungjawab menyediakan kemudahan asas kepada penduduk setempat. PBT juga bertanggungjawab dalam memproses dan menilai segala bentuk cadangan projek pembinaan serta mempunyai kuasa untuk meluluskan permohonan untuk kerja-kerja pemajuan.

Selain itu PBT juga berperanan dalam merancang pembangunan bagi kawasan di bawah pentadbirannya. Ini secara tidak langsung PBT dapat memastikan pembangunan yang seimbang dan selaras dengan hasrat kerajaan bagi meningkatkan pembangunan fizikal Negara yang teratur, seragam dan mampan.

## SENARAI RUJUKAN

Adi Al-Hadi. (2003, Julai). PBT Bukan Hanya Kutip Sampah, Cuci Longkang, Majalah Massa, 3

Ahmad Atory,H. (1991). Kerajaan Tempatan : Teori dan Peranan di Malaysia. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahmad Mahzan Ayob. (1990). Kaedah Penyelidikan Sosio Ekonomi. Dewan Bahasa dan Pustaka

Akta Jalan,Parit dan Bangunan 1974 (Akta 171). Kuala Lumpur. International Laws Services

Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Kuala Lumpur. International Laws Services

Dani Salleh, (1999). Implikasi Perubahan Dasar Kewangan ke atas Perkembangan Sektor Hartanah. Kaedah Penyelidikan Universiti Utara Malaysia

Halmi Zainol. (2000). Pendahuluan kepada Perancangan Fizikal. Shah Alam: Biroteks Universiti Teknologi MARA

Halmi Zainol. (2000). Pengenalan Kepada Teori Perancangan Bandar dan Wilayah. Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah: Universiti Teknologi MARA

Hassan Basir Yahaya. (1996). Pengenalan Kepada Undang-Undang Digunapakai oleh Kerajaan Tempatan: Seminar Ahli-Ahli Majlis Daerah Kerian

Hassan Haji Mohd. Ali. (1988). Forum Pembangunan, Jilid ix, Bil. 2. Kedah: Universiti Utara Malaysia, Sintok

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (2014). Jabatan Kerajaan Tempatan. Diperolehi daripada Laman Web Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kuala Lumpur. (<http://www.kpkt.gov.my>)

Mohamad Sukeri Khalid (2003). Tapak Bina dari Perspektif Perundangan. Dalam Dani Salleh & Abdul Rahman Aziz. Asas Kefahaman Pengurusan Pembangunan. Sintok : Universiti Utara Malaysia, 83-91

Wan Ismail Wan Hamad (1984), Sistem Pentadbiran Kerajaan Tempatan, Bahagian Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kuala Lumpur